

NS Fest catat kehadiran 800,000 pengunjung dengan kutipan jualan RM9 juta - Aminuddin



Kepelbagaian kaum adalah lambang kekuatan kita - Anwar



NegeriKita

Wadah Informasi Anda

EDISI 5 • 2024

negerikita.org

Negeri Kita

Negeri Kita

HARGA : PERCUMA

SETAHUN KERAJAAN PERPADUAN NEGERI SEMBILAN

KUKUH DAN STABIL



SELEPAS setahun Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan, negeri ini adalah gambaran perpaduan sebenar yang sepatutnya diamalkan sejak sekian lama dahulu.

Perubahan kerajaan sejak 2018 dan seterusnya pembentukan kerajaan perpaduan di Negeri Sembilan menunjukkan bahawa barisan kepimpinan Negeri Sembilan telah mencapai tahap kematangan yang tinggi.

Mengenepikan segala sengketa lama demi membangun dan melihat generasi akan datang ditinggalkan dalam negeri ini dalam keadaan yang kukuh dan stabil.

MUKA 2 DAN 3

Analisa: Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan kukuh dan stabil

SELEPAS pengisytiharan kemenangan 17 Kerusi Pakatan Harapan dan 14 Kerusi Barisan Nasional Negeri Sembilan, dua parti sekutu ini membentuk Kerajaan Perpaduan di Negeri Sembilan.

Seuma maklum bahawa PH dan BN bukan rakan koalisi politik sebelum 20 November 2022. Tarikh keramat itu telah menjadikan Malaysia berada pada fasa peralihan politik matang dan dinamik.

Negeri Sembilan telah melangkah lebih awal dengan menyusun pentadbiran Kerajaan Perpaduan dengan kemas dan tertib.

Pembahagian kuasa berjalan dengan baik sebelum langkah-langkah mencorak negeri dengan acuan "Perpaduan" dimulakan.

Apa formula dan rahsia menjadi sebuah kerajaan yang kukuh dan stabil di Negeri Sembilan?

"Two lions cannot rule at the same valley". PH dan BN tidak mungkin



boleh duduk semeja jika masing-masing mahu menjadi singa. Sebaliknya, PH dan BN mengamalkan konsep "The victory is that which requires no battle"- Sun Tzu.

Mencapai kemenangan itu ti-

dak semestinya dengan menang peperangan. Tetapi berganding bahu melihat tugas berat dan amanah rakyat menjadi "collateral" antara PH dan BN.

PH dan BN mempunyai 2 karak-

ter pemimpin yang saling lengkap melengkapi atau dipanggil "symbiosis".

Mungkin sebelum ini BN terkena dengan Perikatan Nasional yang bersifat "parasite". Nampak seperti sepakat, tetapi membunuh lawan secara halus.

Ia berbeza antara PH dan BN. Atas titah Tuanku YDPA, PH terus menghulur tangan menggigit mana-mana parti yang ingin bersama dan mengubah landskap politik Malaysia. Begitu di Negeri Sembilan.

Kini telah setahun Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan meneraju negeri ini. Rakyat Negeri Sembilan sedang menikmati pelbagai insentif yang telah dirangka bersama oleh PH dan BN dalam Aspirasi Perpaduan.

Dengan rekod bersih pentadbiran Negeri Sembilan selama lima tahun sebelum ini, pentadbiran ini akan melangkah dengan lebih cemerlang.

Hakikatnya, politik itu bukan perlu berseteru sepanjang masa. Tetapi politik itu mengajar semua pemain-pemain politik untuk berfikir dan menentukan apakah gaya dan cara yang terbaik untuk mencorakkan pentadbiran. Kuasa ada pada rakyat. Kuasa rakyat, kuasa keramat.

PH dan BN menjadi kerajaan yang kukuh dan stabil bukan untuk menggaut kekayaan negeri. Tetapi perlu berusaha memulangkan semula segala manfaat yang terbaik untuk rakyat.

Pepatah Cina ada menyebut, "Hanya rumput yang kuat mampu bertahan tiupan angin kencang".



Penggerak utama Kerajaan Perpaduan Bekerja, Prihatin dan Merakyat

DUA tokoh ini mempunyai latar belakang politik yang luas dan sangat memberi impak kepada Negeri Sembilan.

Siapa yang tidak kenal Tok Min dan Tok Jalal. Orang Negeri Sembilan suka nama pemimpin yang ringkas. Mudah ingat.

Tok Min bukan terus menang menjadi Menteri Besar. Dua Penggal sebagai ADUN Pembangkang. Begitu juga Tok Jalal, buka menang pilihanraya terus menjadi Menteri.

Tetapi dua tokoh ini semacam ada 'chemistry' sepanjang setahun mentadbir Negeri Sembilan.

Menjadi Menteri Besar semestinya ada kelebihan. Pengalaman Tok Min mencipta rekod-rekod cemerlang di Negeri Sembilan sepanjang lima tahun pentadbiran Negeri Sembilan memberi kelebihan kepada beliau.

Tok Jalal juga tidak kurang apabila diberi kepercayaan menjadi Timbalan Menteri Wilayah walaupun tempohnya singkat.

Negeri ini perlu pemimpin yang ada pengalaman. Dahulu, ramai yang boleh bercakap dan mengkritik kerana ada yang tidak pernah merasa menjadi kerajaan.

Hari ini, semua parti telah merasa menjadi kerajaan. Bukan mudah. Negeri boleh tergadai jika pemimpin yang dilantik tenggelam dalam amarah sebagai pemimpin.

Dua tokoh ini akan terus memberi bakti sepanjang pentadbiran Kerajaan Perpaduan di Negeri Sembilan. Tok Min dengan gaya dan cara mentadbir yang penuh integriti.

Tok Jalal dengan gaya pemimpin yang dekat dengan rakyat. Semangat ini yang kita perlukan untuk melihat Negeri Sembilan terus kukuh dan stabil. Al-




lah mengangkat seseorang itu sesuai dengan kedudukan dan kekuatan yang dimiliki.

Suatu hari nanti, dua tokoh ini berpotensi diangkat menjadi menteri di peringkat Persekutuan kerana pengalaman mentadbir negeri sangat terserlah.



Aspirasi PERPADUAN Negeri Sembilan



Perpaduan Demi Kestabilan Dan Kemakmuran

Aspirasi PERPADUAN Negeri Sembilan

berteraskan kepada **5 Tekad** bagi mencapai **Negeri Maju, Ekonomi Mampan dan Rakyat Sejahtera**.
Manifesto yang inklusif menjadi satu komitmen pemerintahan Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan untuk menjana peluang dan memberi nikmat kepada rakyat dalam memacu pembangunan negeri dan mensejahterakan rakyat.



Tekad

Membangun Negeri Sembilan Moden 2023-2033.

1 Mendaya upaya ekonomi rakyat dalam meningkatkan ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat.

2 Pembangunan mesra rakyat: Melestarikan pembangunan seimbang luar bandar dan bandar.

3 Memberi tumpuan kepada kebaikan, keperluan dan permasalahan rakyat.

4 Pentadbiran berintegriti dan memperkasa penyampaian perkhidmatan.

Naratif Kiro

Langkah Perpaduan keluar dari politik jumud Malaysia

Ketua Editor:

Ahmad Shahir Mohd Shah
Setiausaha Akhbar YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

RIBUT politik Malaysia bermula apabila seorang anak raja mencabar Mahathir jawatan Presiden UMNO. Siapa sahaja yang menjadi seterus politik Mahathir pasti menerima padah.

Mungkin penasihat Mahathir yang berjaya menolak bidak-bidak catur jatuh keluar dari papan. Tun Musa Hitam, Tun Ghafar Baba, Tun Abdullah, Najib Razak dan yang paling epik adalah Anwar Ibrahim.

Anak muda yang hidup zaman reformasi, pasti rasa jemu melihat perseteruan politik yang tiada penamat. Apabila Mahathir tidak dapat menghalang Anwar menjadi Perdana Menteri, berakhirlah sumpahan politik jumud di Malaysia.

Sekarang Malaysia beralih ke dimensi politik baharu. Parti-parti politik sedang membuat "arrangement" parti masing-masing kerana mempunyai rakan dan seterusnya yang baharu.

Jika anak-anak Malaysia memilih menjadi pak turut yang tiada akal waras, kita akan kembali semula kepada politik jumud seperti dahulu.

Negeri Sembilan telah memberikan contoh. Terpulang kepada generasi baharu menilai. Jika ada pisau dan buah ditangan, yang dipotong adalah buah bukannya jari. Jika Perpaduan telah memimpin, yang dia-

Tyson Foods Malaysia labur RM400juta, buka kilang proses makanan segera di Bandar Enstek

SEREMBAN: Tyson Foods Malaysia telah membuka sebuah kilang memproses makanan segera yang menawarkan 250 peluang pekerjaan di Kawasan Perindustrian Techpark, Bandar Enstek, Seremban.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, Tyson Foods Malaysia melabur RM400 juta bagi pembinaan dan operasi kilang tersebut yang memproses makanan seperti nugget dan burger.

"Produk-produk ini bukan sahaja dipasarkan di Ma-



laysia tetapi mendapat permintaan yang sangat tinggi di negara-negara Timur Tengah," ujar beliau.

Menurut Aminuddin, keyakinan Tyson Foods Malaysia untuk bertapak di negeri ini sememangnya memberi impak rantaian ekonomi negeri dan seterusnya menunjukkan komitmen mereka terhadap tanggungjawab korporat yang secara langsung memberikan manfaat kepada rakyat Negeri Sembilan.

"Tyson Foods Malaysia memilih Bandar Enstek sebagai tapak kilang mereka adalah kerana bandar ini telah menetapkan visinya



SPD Tech Valley bakal buka 40,000 peluang pekerjaan



SEREMBAN: SPD Tech Valley apabila siap sepenuhnya, bakal membuka 40,000 peluang pekerjaan di Senawang.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, kawasan perindustrian tersebut bakal dibangunkan oleh Seri Pajam Development.

"Kawasan perindustrian ini akan meliputi seluas 523 ekar dan mampu membuka lebih 40,000 peluang pekerjaan kepada anak tempatan." Pembangunan ini juga selaras dengan Teras 1 Aspirasi Perpaduan iaitu Ekonomi, Pelaburan dan Infrastruktur.

"Kawasan industri ini berkonsepkan 'Managed Industrial Park' yang terdiri daripada 'Detached Factory' serta dilengkapi dengan jaminan keselamatan secara 'Gated and Guarded'.

"Pembukaan kawasan perindustrian baru ini juga dapat memberi ruang dan peluang untuk industri sedia ada di negeri ini berkembang kerana kawasan industri se-ada sangat terhad," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian di Majlis Pecah Tanah SPD Tech Valley.

untuk menjadi sebuah hab perniagaan halal.

"Pemilihan Bandar Enstek sebagai hab halal akan mempertingkatkan operasi dan juga secara tidak langsung menyumbang kepada aspirasi Bandar Enstek untuk menjadi hab global bagi penjualan produk halal.

"Inilah simbol utama yang

menjadikan Bandar Enstek sebagai pilihan pelbagai pelabur yang terlibat dalam industri halal dari dalam dan luar Malaysia.

"Komitmen Tyson Foods Malaysia dalam memenuhi kehendak dan keperluan sektor makanan halal wajar dijadikan contoh bagi pihak lain untuk turut menerajui hala tuju yang sama," ujar Aminuddin.



RESPON PEMBELI RUMAH TAMAN IRINGAN BAYU, MAMBAU



Sekarang saya tinggal di rumah sewa di Mantin dengan bayaran sewa RM700 sebulan.

Alhamdulillah ini rumah pertama saya dan saya bersyukur ansuran pinjaman bank untuk pembelian rumah berharga RM80,000 ini nanti semestinya lebih rendah dari RM700.

Terima kasih kepada Tok Min kerana memperkenalkan skim perumahan penjawat awam dan juga perumahan untuk golongan B40.

MOHD RIZAL AZMIR, 39

Penjawat Awam



Harga rumah sekarang ini sangat mahal tetapi dengan dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri ini, saya dapat membeli rumah mampu milik.

Saya sekarang membayar sewa rumah sebanyak RM800 sebulan. Walau bagaimanapun ansuran pinjaman bank untuk pembelian rumah ini sudah pasti lebih rendah daripada RM800 memandangkan rumah ini berharga RM80,000.

Saya sangat berterima kasih kepada Exco Perumahan, YB Arul Kumar dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun.

MALIA KUMAR, 32

Mambau



Alhamdulillah, saya gembira kerana berpeluang memiliki sebuah rumah di bawah inisiatif Kerajaan Negeri.

Sudah tentu ansuran pinjaman bank untuk rumah ini lebih rendah berbanding bayaran sewa rumah RM800 sebulan di Seremban 2 sekarang ini.

Ini secara langsung akan mengurangkan perbelanjaan dan meningkat taraf hidup saya.

SAIFUL RIZWAN ROZIAN, 30

Penjawat Awam

108 Komuniti MADANI ditubuhkan di Negeri Sembilan



TAMPIN: Timbalan Menteri Penerangan, Teo Nie Ching berkata, sebanyak 108 Komuniti MADANI telah ditubuhkan di Negeri Sembilan.

"Program JIWA Komuniti MADANI bertujuan menyantuni masyarakat setempat dengan maklumat, dasar, dan inisiatif kerajaan."

"Kesemua 108 Komuniti MADANI telah menerima geran pentadbiran RM3,000.

"Kementerian Penerangan berharap geran ini digunakan untuk menggerakkan komuniti demi kesejahteraan negara," jelas beliau.

Teo berkata demikian di Majlis Perasmian Program Jiwa Komuniti Madani Tampin an-

juran bersama Jabatan Penerangan Malaysia dan Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Tampin serta agensi-agensi kerajaan lain.

Dalam pada itu, Teo berkata, kerajaan juga telah melancarkan Program BUDI MADANI untuk memastikan subsidi disasarkan kepada golongan layak.

"Lebih 30,000 individu, petani dan pekebun kecil telah menerima bantuan subsidi tunai RM200 pada 10 Jun 2024," ujarnya.

Teo bersama Ahli Parlimen Tampin, Dato' Mohd Isam Mohd Isa dan Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, Julina Johari juga melawat Tapak Agro MADANI dan 'booth' pameran di program tersebut.

Subsidi diesel disasarkan, namun kekal antara terendah

MULAI 10 Jun lalu, secara rasminya harga bagi minyak diesel telah diaungkan semula dalam erti kata lain subsidi telah ditarik semula.

Namun yang menariknya, walaupun ia melonjak sebanyak RM1.20, ia masih antara terendah di dalam dunia.

Menurut rekod, Malaysia merupakan negara kedua terendah daripada segi penjualan diesel di dalam ASEAN.

Manakala, Brunei masih kekal harga diesel paling murah iaitu RM1.09 per liter.

Walau bagaimanapun, harga diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan akan kekal pada paras RM2.15 per liter.

Bagi mereka yang menggunakan kenderaan diesel bagi tujuan peribadi, sekiranya mereka di bawah kategori B40, mereka akan menerima RM200 setiap bulan melalui inisiatif BUDI MADANI.

Ini bertujuan menampung kenaikan kos minyak diesel.

Melihat respon orang ramai, kebanyakan mereka memberikan respon tidak berpuas hati dengan kenaikan

harga minyak tersebut. Walaupun ianya tiada kaitan dengan mereka kerana majoritinya hanyalah pengguna RON95.

Tetapi pernahkah kita terfikir, dalam kita yang kurang berkemampuan me-nikmati harga minyak subsidi, mereka yang mewah di atas sana serta aktiviti penyeludupan minyak untuk dijual di luar negara juga turut merasai harga yang sama.

Bukankah itu tidak adil? Melalui laporan berita Awani yang disiarkan pada 10 Jun, seorang kontraktor ditahan membeli minyak diesel tanpa permit yang sah.

Ini adalah salah satu contoh bagaimana harga subsidi sepatutnya sampai kepada rakyat yang layak, tetapi diambil kesempatan oleh mereka yang terlebih layak.

Oleh itu, kenaikan harga minyak diesel ini dan pemberian subsidi secara terus kepada mereka yang kurang berkemampuan sebenarnya amatlah lebih baik kerana adil itu bukanlah sama rata tetapi ia diletakkan di tempatnya.

Respon penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Negeri Sembilan



Saya bekerja sebagai Pembantu Awam di Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Seremban sejak lima tahun.

Saya bangga dan gembira kerana ini kali pertama saya menerima APC.

Terima kasih kepada Ketua Jabatan saya, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Menteri Besar.

LEGAVATHY NAGARAJAN



"Saya bekerja di Majlis Daerah Jelebu (MDJ) selama enam tahun dan ini pertama kali saya menerima APC."

Terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan MDJ kerana memilih saya sebagai salah seorang penerima APC 2023.

Saya rasa bersyukur kerana ini antara rezeki saya selepas isteri saya melahirkan anak pada 12 Mei lepas.

MOHAMMAD RIDHWAN MD RIZAL



Saya sekarang bekerja di Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson. Sebelum ini saya bekerja di Kementerian Kesihatan Malaysia (Kerajaan Persekutuan).

Secara keseluruhannya, saya telah menjadi penjawat awam sejak 18 tahun yang lalu.

Alhamdullillah ini adalah kali kedua saya menerima APC. Sebelum ini saya menerima juga APC pada tahun 2015 semasa bertugas di Kementerian Kesihatan.

Saya rasa terharu, bersyukur dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memilih saya sebagai salah seorang penerima APC untuk tahun 2023.

FAUZAN SYAHIRAH FADZIL



Harga diesel bagi negara-negara Asia Tenggara



RM/liter
3.35

Malaysia

RM/liter
8.79

Singapura

RM/liter
4.64

Cambodia

RM/liter
4.24

Thailand

RM/liter
5.40

Myanmar

RM/liter
4.56

Laos

RM/liter
3.69

Vietnam

RM/liter
4.75

Filipina

RM/liter
4.43

Indonesia

RM/liter
1.09

Brunei

* Harga adalah daripada sumber (<https://www.globalpetrolprices.com>) dikemas kini pada 3 Jun 2024, harga Malaysia dan Brunei (<https://www.bsm.com.bn>) adalah harga terkini.

AS mahu pulangkan sebahagian aset 1MDB yang diseleweng kepada rakyat Malaysia

JABATAN Kehakiman Amerika akan terus mengeluarkan aset serta dana yang dicuri dari 1Malaysia Development Bhd (1MDB) untuk dipulangkan bagi manfaat seluruh rakyat Malaysia, kata Duta Besar Amerika Syarikat (AS) ke Malaysia Edgard D. Kagan.

Kerajaan AS komited melakukan sebaik mungkin untuk memulangkan setiap sen wang 1MDB yang boleh mereka temukan dan rampas, untuk dikembalikan kepada rakyat Malaysia.

Sebagai rasa tanggungjawab kerana wang itu milik rakyat Malaysia dan ia dicuri daripada mereka,



wang itu harus dipulangkan kepada rakyat Malaysia.

Ia bukan sahaja sebagai kerja amal daripada pihak Amerika Syarikat, kata D.Kagan lagi.

"Kami faham bahawa Malaysia dan rakyat Malaysia mengalami kerugian yang amat besar dalam kes ini.

"Bagaimanapun kami berbangga dengan kenyataan bahawa AS telah memainkan peranan penting dalam menangani isu 1MDB.

"Jika anda perhatikan dengan teliti, tiada mana-mana pihak sebelum ini yang merampas atau menyita aset dalam jum-

lah yang begitu besar dan mengembalikannya kepada rakyat Malaysia," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah di The Ambassadorial Talk di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

AS telah memulangkan kira-kira AS\$156 juta (RM721.4 juta) kepada kerajaan Malaysia yang merupakan transaksi keempat dana yang diperoleh semula hasil rampasan aset yang berkaitan dengan 1MDB.

D.Kagan berkata, kira-kira AS\$1.4 bilion (RM6.6 bilion) dana yang diseleweng dari Malaysia telah dipulangkan, setakat ini.

Perbuatan menyeleweng itu dilakukan menerusi beberapa siri transaksi yang kompleks dan penglibatan syarikat 'shell' mencurigakan atau hanya wujud di atas kertas dengan akaun bank di AS dan luar negara menggunakan dokumen serta representasi palsu.

Perkara itu disahkan D.Kagan dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 11 Jun 2024.

Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (U.S. Department of Justice) meluluskan pemulangan dana yang dicuri tersebut.

Hind's Hall untuk Hind Rajab

KISAH tragis seorang anak kecil dari Gaza yang membuat panggilan kecemasan keada Bulan Sabit Merah (PRCS) yang meminta pertolongan setelah kenderaan yang dinaiki bersama keluarga bapa saudaranya bertujuan menuju ke tempat yang lebih selamat diserang oleh rejim tentera Israel sehingga maut. Mereka terperangkap dikepung rejim Zionis dengan kereta kebal.

Selepas 12 hari sejak 29 Januari 2024, mayat Hind Rajab berusia enam tahun bersama ahli keluarganya ditemui di kawasan Tal Al-Hawa, barat daya Gaza manakala dua lagi pasukan ambulans yang bertujuan untuk menyelamatkan Hind dikejarkan ke hospital kerana diserang.

Rakaman PRCS suara si kecil Hind yang menelefon ambulans kerana ketakutan dan diminta untuk disenamatkan.

"Kereta kebal itu ada di sebelah saya. Ia bergerak,"

Rana, penerima panggilan di pusat panggilan kecemasan PRCS cuba memastikan anak kecil itu tenang.

"Adakah ia sangat dekat?"

"Sangat, sangat," suara kecil menjawab. "Sudikah awak datang ambil saya? Saya sangat takut."

"Kekal Bersama saya" kata Hind tidak mahu putuskan panggilan

Rana cuba menenangkan Hind dengan akan sentiasa bersamanya hingga bantuan sampai dan mengajarnya berdoa bersama meminta pertolongan kepada Allah.

Rakaman suara Hind yang tragis ini tular di sosial media dan arus perdana



dan mendapat perhatian masyarakat dunia.

Ia mengakibatkan banyak protes-protes Pro-Palestin di universiti-universiti ternama di Amerika dan Eropah.

Pada 30 April 2024, para pelajar Columbia University, New York berkumpung di Hamilton Hall sebagai tanda protes kepada kekejaman Israel di Gaza dan menuntut untuk gencatan senjata termasuk pihak universiti menamatkan segala pertalian dengan Israel.

Mereka menamakan semula Hamilton Hall dengan Hind's Hall sebagai memori peringatan kematian Hind Rajab.

Pihak berkuasa yang memasuki kawasan kampus dan menahan ramai pelajar pro-Palestin tanpa waran walaupun protes dilaksanakan secara aman.

Perkara ini mencetuskan gerakan protes yang lebih besar di kebanya-

tuk meleraikan dengan menggunakan kekerasan ke atas mereka.

Sejarah membuktikan protes yang pernah dilakukan oleh para pelajar ini semasa Hamilton Hall dan lima lagi bangunan diambil alih semasa perang Vietnam-US.

Usaha-usaha memastikan pembebasan Palestin daripada pelbagai pihak ini turut menjadi perhatian rapper US terkenal Macklemore yang membikin lagu bertajuk Hind's Hall dengan lirik yang mengecam Israel dan US sebagai pembekal senjata.

Video musik rasmi Hind's Hall yang telah mencecah 3.1 juta penonton merupakan lagu protes terbesar sepanjang zaman.

Semoga dengan pelbagai usaha dari pelbagai pihak termasuk masyarakat di Malaysia, samaada berbentuk sumbang mahupun doa agar Palestin dilindungi dan dibebaskan.

Seperti di dalam lirik Hind's Hall. "Block The Barricade until Palestine is free".



Kepelbagaian kaum adalah lambang kekuatan kita - Anwar Ibrahim



JOHOR BAHRU: Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah merasmikan Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan di Johor.

"Sambutan sungguh luar biasa kerana dimeriahkan dan diraikan dengan semangat perpaduan dari masyarakat pelbagai lapisan kaum, agama dan bangsa di negara ini.

"Menyentuh aspek perpaduan yang menjadi kekuatan kita, saya titipkan gesaan bahawa kepelbagaian kaum adalah lambang kekuatan kita tetapi ia juga boleh menjadi unsur memecah-belah dan merosakkan keharmonian sedia ada," ujar Anwar.

Anwar berkata, rakyat, khususnya pelapis negara dan golongan anak muda, seharusnya menjadikan

perbezaan itu sebagai kelebihan hatta menjadikan perpaduan sebagai kekuatan Malaysia untuk terus dipacu ke arah kemajuan bersama-sama.

"Belajarlah dari sejarah tatkala generasi terdahulu bersusah-payah membangunkan negara melalui semangat penyatuan dan perpaduan yang seharusnya dipegang dan dipertahankan selamanya," katanya.

Festival FAMA usaha tingkatkan pendapatan usahawan



NILAI: FAMA Fest 2024 yang diadakan di Negeri Sembilan mampu membantu untuk meningkatkan pendapatan usahawan Negeri Sembilan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, program ini juga dapat memberi manfaat kepada rakyat negeri ini.

"Anjuran festival seperti ini juga membuatkan para usahawan mereka untuk memperbaiki cara pemasaran mereka.

"Ada yang saya nampak siap ada 'packaging' sendiri.

"Ini menunjukkan peningkatan yang amat baik kerana secara tidak langsung dapat melonjakkan lagi pasaran mereka ke peringkat seterusnya," kata Aminuddin.

Aminuddin turut mengucapkan tahniah kepada pihak FAMA kerana berjaya menyelesaikan isu beras tempoh hari.

"Oleh itu, saya berharap agar pihak FAMA juga sentiasa bersedia bagi isu-isu yang dijangka akan berlaku di negara kita setiap tahun supaya tidak akan peniaga yang mengambil kesempatan," ujar beliau.

Pulang dari Jepun bawa pelaburan



KUALA LUMPUR: Kepulangan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim daripada Jepun membawa pelaburan baru ke Malaysia.

Lawatan rasmi tiga hari ke Jepun dijangka dapat membawa nilai pelaburan sebanyak RM1.4 billion, selain jangkaan nilai eksport sebanyak RM550 juta ke negara tersebut.

Perkara disahkan selepas Anwar bertemu rakan sejawatnya di Jepun, Fumio Kishida.

"Pelaburan baharu yang bakal dibawa ini akan memerlukan perbincangan lanjut dengan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) serta agensi berkaitan.

"Hal ini disebabkan kerana ia akan membabitkan alam sekitar dan kita amat tegas dalam perkara berkaitan alam sekitar," kata Anwar.

Sektor pelaburan yang

bakal dibawa masuk ini merangkumi industri jentera dan kelengkapan; kimia dan produk kimia; industri minyak dan gas; minyak sawit dan produk berdasarkan minyak sawit serta tenaga boleh diperbaharui (EV).

Kemasukan pelaburan ini juga akan menguatkan ikatan rakan dagangan antara Jepun dan Malaysia.

Hal ini kerana Jepun merupakan negara pelabur keempat terbesar dalam sektor pembuatan di Malaysia.

Tahun lalu menyaksikan nilai pelaburan yang dibawa ke dalam negara adalah sebanyak RM156.63 billion.

Lawatan yang diadakan ini juga menunjukkan komitmen PMX untuk mencari pelabur-pelabur daripada negara luar yang dikunjungi demi memastikan kesejahteraan rakyat Malaysia.

NS FEST platform promosi produk usahawan mikro, kecil dan sederhana

NILAI: Penganjuran NS FEST 2024 adalah bertepatan dan selari dengan komitmen Kerajaan Negeri Sembilan untuk memperkuuh rancaian nilai Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), melonjak pertanian dan industri makanan serta mengoptimumkan potensi pelancongan.

Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, selain itu, objektif penganjuran NS FEST 2024 ini adalah untuk mewujudkan satu program 'branding' yang sinonim dengan Negeri Sembilan dan mampu menjadi tarikan bukan sahaja kepada penduduk di Negeri Sembilan malahan juga dari negeri-negeri lain.

"NS FEST 2024 juga bertujuan untuk menyelaraskan kesemua program berskala kecil atau sederhana yang dilaksanakan oleh agensi dan jabatan kerajaan di peringkat Negeri Sembilan secara bersepadu supaya dapat menghasilkan impak yang lebih berkesan.

"Lazimnya festival ini merupakan gabungan tiga program utama di peringkat negeri iaitu Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Sembilan atau HPPNS, Bulan Usahawan Negeri Sembilan yang lebih dikenali sebagai Arena Usahawan, dan Negeri Sembilan




Food Fest dengan enam kluster utama aktiviti iaitu Belia, Pendidikan, Sains dan Teknologi, Keusahawanan, Pelancongan dan Kebu-

dayaan, Pertanian, Perkhidmatan dan Keagamaan, Kesihatan dan Kemasyarakatan," jelas Aminuddin.

Aminuddin menambah, antara kelainan yang dibawakan bagi NS FEST pada tahun ini adalah buat julung kalinya program ini dianjurkan selama lapan hari berbanding penganjuran tahun-tahun sebelumnya iaitu hanya empat hari sahaja dan program ini akan dianjurkan bersekali dengan program Perpatih

Fest.

"Selain itu, terdapat pelbagai pengisian program yang akan disajikan kepada pengunjung yang hadir ke NS FEST 2024, antaranya adalah jualan dan pameran produk usahawan kraftangan, jualan harga ladang, Malaysia Book of Record untuk pemakaian telepok terbanyak, persembahan artis tanah air dan banyak lagi," kata Aminuddin.



Pemakaian telepok teramai terima pengiktirafan MBOR

NILAI: Seramai 1,002 wanita bertelepok sempena Perasmian Perpatih Fest 2024, di sini, sekali gus memegang rekod Pemakaian Telepok Paling Ramai menerusi The Malaysia Book of Record (MBOR).

Aksesori ikatan kain batik tradisional itu kebiasaannya dipakai wanita Negeri Sembilan suatu masa dahulu dan kini dilihat sebagai salah satu pakaian rasmi bagi Ibu Soko.

Ini rekod ketiga yang dipecahkan Perpatih Fest selepas memegang rekod Masakan Kari Kepala Kambing Terbanyak (100 kepala) dan Perarakan Panta Berkucung Terbanyak (222) pada penganjuran tahun lalu.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, dengan tema 'Adat Yang Diuco Pakai', Perpatih Fest kali ini digabungkan bersama NS Fest yang berlangsung selama lapan hari bermula pada 27 Julai lalu.

"Selain acara 'Moh Bertelepok' pelbagai aktiviti menarik yang disajikan berkaitan Adat Perpatih dan kebudayaan masyarakat berbilang kaum di Negeri Sembilan

"Sudah pasti pengunjung akan menggunakan peluang dan kesempatan ini untuk mengenali dengan lebih dekat pengamalan Adat Perpatih melalui berbagai-bagai aktiviti yang dijalankan Luak dan Wilayah Adat dalam Perpatih Fest.

"Antara aktiviti lain pada festival kali ini adalah Forum Perdana Ehwal Islam, Demonstrasi Masakan Luak, Demonstrasi Peralatan Adat Luak, Persembahan Kebudayaan dan Kesenian Luak serta Masakan Masyarakat Cina, India dan Orang Asli," katanya ketika berucap pada



majlis berkenaan.

Tinjauan di sekitar acara itu mendapati wanita dari pelbagai peringkat usia teruja mengenakan telepok yang mana pada peringkat awal mensasarkan seramai 500 peserta sahaja.

Beliau berkata, manusia tidak dapat menolak arus permodenan, namun tidak boleh membiarkan warisan peninggalan yang diwarisi datuk nenek moyang, iaitu Adat Perpatih hanyut dibawa arus kemajuan.

"Jadi, kerajaan negeri mengambil inisiatif dengan menyalurkan Dana Memperkasakan Adat Perpatih melalui Lembaga Muzium Negeri Sembilan sejak 2019 untuk Luak dan Wilayah Adat menjalankan program dan aktiviti," katanya.



Generasi baharu Felda harus ada peluang miliki rumah sendiri



PERJUANGAN saya untuk memastikan Aspirasi Perpaduan (Manifesto Pilihan Raya Negeri 2023) tidak pernah terhenti untuk rakyat.

Salah satunya berkaitan mengusaha pendekatan terbaik untuk menyediakan perumahan kondusif kepada generasi baharu Felda.

Hampir setiap minggu saya membincangkan penyelesaian terhadap isu ini, kerana pada saya generasi baharu Felda di Negeri Sembilan harus ada peluang untuk memiliki rumah sendiri.

Saya telah mempergerusikan mesyuarat penyelarasan untuk mempercepatkan penyelesaian isu penyerahan 510 unit rumah generasi baharu Felda kepada Kerajaan Negeri Sembilan.



ia melibatkan 150 unit di Felda Pasoh 3, 150 unit di Felda Palong 12 dan 210 unit di Felda Palong 16.

Yang pastinya kos pemulihan terhadap projek-projek 'sakit' ini amat tinggi.

Namun ia bukan penghalang untuk saya bersikap optimis dalam menyediakan keseluruhan 909 unit rumah kepada para generasi baharu Felda.

Doakan saya dan rakan-rakan jabatan terlibat mampu bekerja sehingga berjaya mencapai impian ini.

DATO' SERI JALALUDDIN ALIAS

EXCO (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi Negeri Sembilan

SMA Gemas kekal 20 sekolah terbaik SPM 2023



GEMAS: Ahli Parlimen Tampin, Dato Mohd Isam Mohd Isa mengucapkan tahniah kepada Sekolah Menengah Agama (SMA) Gemas kerana berjaya mengekalkan kedudukan bawah 20 sekolah terbaik di Negeri Sembilan dalam keputusan SPM 2023.

"Sejak akhir-akhir ini Sekolah Menengah Agama semakin mendapat tempat di kalangan para ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah."

"Sekolah Agama antara sekolah menengah terbaik di Malaysia."

"Beginilah yang diharapkan oleh ibu bapa supaya anak mereka berjaya di dunia dan akhirat," kata

Mohd Isam.

Dalam pada itu, Mohd Isam juga meninjau persekitaran sekolah ini, dan terdapat tebing runtuh yang berhampiran dengan sekolah.

"Perkara akan diberi perhatian dan tindakan susulan akan diambil supaya tidak berlaku insiden yang tidak diingini. Selain itu gelanggang sepak takraw telah siap dibina."

"Insyah Allah, kita akan tambah lagi kemudahan dari masa ke semasa untuk keselesaan anak-anak di sekolah ini," kata Mohd Isam ketika Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PIBG Kali ke-25 dan Majlis Anugerah Kemerlangan Pelajar SPM 2023 SMA Gemas.

Bakri tinjau kerja naik taraf sistem perparitan



KLAWANG: ADUN Klawang, YB Dato' Ir. Bakri Sawir telah turun padang bagi meninjau kerja-kerja naik taraf sistem longkang dan perparitan di Taman Pekan Baru dan Ladang Jelebu.

"Projek naik taraf ini perlu bagi memastikan sistem perparitan berfungsi dengan baik dan pada masa yang sama boleh mengelakkan kejadian banjir pada masa akan datang," kata Bakri.



RM30,000 untuk SMK Desa Cempaka daripada Cha

RASAH: Ahli Parlimen, Cha Kee Chin telah memberikan sumbangan sebanyak RM30,000 kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Desa Cempaka, Nilai.

Cha berkata, sumbangan ini bagi membantu pihak sekolah membeli sembilan set projektor baru termasuk skrin dan pemasangan wayar.

"Bilik mana yang perlu dipasang projektor ini, saya serahkan kepada pihak sekolah."

"Ini bagi memastikan sekolah yang mempunyai 1,800 pelajar dapat belajar dalam keadaan yang kondusif."

"Saya juga berharap agar SMK Desa Cempaka terus maju jaya," kata Cha.

535 pelajar sekolah terima sumbangan kewangan daripada Mohamad



REMBAU: Seramai 535 pelajar sekolah menerima sumbangan kewangan daripada Ahli Parlimen Rembau, Dato' Seri Utama Mohamad Hasan.

Mohamad berkata, seramai 35 pelajar menerima Bantuan Anak Sekolah (BAS) dan 500 pelajar tahun satu pula menerima Bantuan Awal Persekolahan yang merupakan sumbangan Yayasan Bank Rakyat.

"Dalam majlis yang sama, saya juga menyerahkan

sumbangan warga emas kepada 234 orang warga emas yang berusia 70 tahun ke atas.

"Alhamdullillah, biarpun majlis ini ringkas, saya pasti sumbangan ini dapat meringankan sedikit beban yang ditanggung," kata Mohamad yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Rantau dan Menteri Luar Negeri.

Kedua-dua majlis penyerahan sumbangan ini berlangsung di Dewan Komuniti Rantau.

Kenaikan diesel: Semak fakta usah terpengaruh dengan fitnah murahan

NORAINI NORDIN

**Ketua Wanita Persatuan
Rapat Kebangsaan**

MENAIKKAN harga minyak dan menghapuskan subsidi secara umumnya bukanlah perkara asing yang dilakukan di negara kita.

Sebelum ini Bekas Perdana Menteri (PM) ke-5, Tun Abdullah Ahmad Badawi yang dikenali sebagai Pak Lah pernah menaikkan harga minyak petrol sehingga 78 sen - satu pertambahan besar daripada RM1.92 kepada RM2.70 (pada masa itu).

Pak Lah juga turut mengumumkan kenaikan harga minyak diesel kepada RM2.58. Pada masa itu harga minyak diesel adalah RM1.58 seliter.

Kenaikan sebanyak 41 peratus bagi petrol dan 63.3 peratus bagi diesel.

Manakala pada masa Perdana Menteri ke-6, Dato' Seri Najib Tun Razak juga menaikkan harga minyak apabila harga petroleum dunia melonjak melebihi AS\$100 setong.

Seumia itu dilakukan kerana beban subsidi terlalu besar untuk ditanggung kerajaan.

Tetapi berbeza dengan langkah yang diambil oleh PM Dato' Seri Anwar

Ibrahim dalam memansuhkan subsidi diesel pukal.

Harga pasaran

Memang subsidi diesel pukal dimansuhkan dan harga pasarnya kini menjadi RM3.35 berbanding RM2.15 sebelum ini tetapi pemansuhan subsidi pukal itu diikuti dengan pemberian subsidi secara bersasar.

Sebelum ini subsidi dimansuhkan secara sedikit demi sedikit tetapi tiada subsidi bersasar diberikan.

Pemilik kenderaan diesel persendirian daripada kalangan B40 boleh memohon subsidi diesel dan mereka yang layak akan dibayar RM200 sebulan.

Bagi pergerakan biasa, jumlah RM200 itu dikira mencukupi untuk menampung perbezaan kenaikan sebanyak RM1.20 seliter yang terpaksa ditanggung.

Kalau dalam sebulan itu, mereka kurang bergerak atau tidak ke mana-mana misalnya, subsidi RM200 yang diterima itu boleh pula dibelanjakan untuk kegunaan-kegunaan lain.

Selain itu, subsidi khusus masih diberikan kepada kenderaan pengangkutan logistik, kenderaan awam, bas sekolah, bas ekspres dan juga bot nelayan.

Kelompok itu akan menikmati harga

potongan serendah antara RM1.65 hingga RM2.15 (harga diesel bersubsidi sebelum ini) dengan cara memohon fleet card melalui Sistem Kawasan Diesel Bersubsidi (SKDB) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN).

Secara mudahnya, melalui pemanfaatan subsidi tersebut subsidi bersasar masih diberi kepada kenderaan individu yang layak dan sektor-sektor tertentu, logiknya ia tidak akan menyebabkan kenaikan kos operasi lalu tiada kenaikan harga di pasaran patut berlaku.

Penyaludupan diesel

Yang penting, selain perlaksanaan subsidi bersasar bertujuan agar hanya subsidi dinikmati oleh golongan berpendapatan rendah, ia juga bertujuan mencegah penyaludupan diesel yang sudah membahayakan sejak sekian lama.

Berikutnya harga diesel bersubsidi negara kita lebih rendah, penyaludup telah sekian lama mengambil kesempatan menjualnya ke negara-negara jiran yang mana harganya jauh lebih mahal lagi.

Menteri KPDN, Datuk Armizan Ali pada Februari lalu mendedahkan, negara mengalami kerugian sebanyak RM4.5 juta sehari disebabkan ketirisan

3 juta liter diesel yang diseludup ke luar negara setiap hari.

Bayangkan betapa banyak wang negara dapat dijimatkan melalui perlaksanaan subsidi bersasar diesel itu.

Sudah tentu dengan wang dianggaran RM4 bilion dapat diselamatkan melalui perlaksanaan subsidi bersasar diesel ini, banyak projek pembangunan untuk rakyat seperti sekolah, klinik, jalanraya dan pelbagai lagi dapat dibina demi kesejahteraan rakyat.

Rakyat biasa tidak mengalami kenaikan apa-apa, sebaliknya yang terkesan hanyalah golongan kaya dan mereka yang tamak dengan mengait kekayaan melalui penyaludupan.

Oleh itu kawallah emosi jangan terburu-buru mengomel 'itu dan ini'. Bacalah maklumat berkaitan isu ini dengan tenang dan minda bersih.

Semaklah fakta berkaitan dan usah mudah terpengaruh dengan fitnah-fitnah murahan dan mereka yang mengambil kesempatan.

Jika isu ini dihalusi dengan minda yang tenang serta emosi yang tidak celaru maka polisi subsidi bersasar ini adalah yang terbaik untuk negara seperti Malaysia.

Kereta elektrik berbaloi atau tidak?

EDZWAN ASHRAF

KEMAJUAN dunia teknologi hari ini telah mencapai suatu tanda aras baharu apabila kita dapat melihat kenderaan yang sebelum ini dipacu dengan menggunakan petrol tetapi diubah hanya menggunakan tenaga elektrik.

Ini menjadi persaingan dalam dunia automotif semakin rancak apabila pengguna disajikan kenderaan yang menggunakan petrol dan elektrik.

Pelbagai jenama kereta elektrik muncul hari ini seperti Tesla, Build Your Dreams (BYD), Neta dan pelbagai lagi.

Jenama alat elektronik juga tidak mahu ketinggalan malahan turut mengeluarkan kereta mereka sendiri seperti Xiaomi dan Huawei.

Di Malaysia, kita dapat lihat bahawa penggunaan kereta elektrik telah meluas kerana di mana-mana sahaja kita dapat melihat kenderaan elektrik ini.

Tidak aneh, di kawasan Felda juga terdapat individu yang memiliki kenderaan elektrik.

Ini menunjukkan bahawa kereta elektrik mula mendapat tempat dalam kalangan rakyat Malaysia, walaupun pada awalnya dikecam hebat di media sosial.

Tetapi kita sendiri nampak bahawa mereka semua ibarat cakap tak serupa bikin.

Tetapi persoalannya apakah kebaikan dan kekurangan kenderaan elektrik ini untuk digunakan dalam negara kita?

Kebaikan pertama adalah kita dapat mengurangkan masalah pencemaran udara.

Hal ini kerana kenderaan elektrik tidak mempunyai ekzos, sekaligus tidak menghasilkan sebarang karbon.

Dalam masa sama, penggunaan kenderaan elektrik ini juga dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan melindungi alam sekitar.

Seterusnya kita dapat menjimatkan kos bahan api. Hal ini disebabkan kerana mengecas sebuah kenderaan elektrik biasanya lebih rendah berbanding kos petrol atau diesel.

Jika diambil satu jarak yang sama antara kereta petrol dan elektrik, kos yang diperlukan kereta elektrik jauh lebih murah berbanding dengan kereta petrol.

Selain itu, menggunakan kenderaan elektrik juga mengurangkan kebergantungan kita kepada sumber tenaga fosil seperti minyak dan gas.

Menurut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, pada tahun ini

negara kita hanya berjaya mengeluarkan 380,000 tong minyak mentah sehari berbanding 650,000 ribu tong sehari sebelum ini.

Pengeluaran tersebut berkemungkinan akan menjadi semakin berkurangan samban tahun.

Oleh itu, penggunaan kereta elektrik akan jadi lebih mudah kerana kita hanya perlu menggunakan tenaga elektrik.

Disebabkan itu, Kerajaan Persekutuan telah mengambil inisiatif untuk menyediakan rebat cukai, subsidi atau pengecualian cukai kepada mereka yang memiliki kenderaan elektrik.

Ini sudah tentu satu usaha untuk menarik orang ramai memiliki sebuah kenderaan elektrik.

Dalam pada itu, pembangunan industri kenderaan elektrik ini juga dapat mewujudkan peluang pekerjaan baru dalam sektor teknologi hijau, pembuatan bateri dan penyelenggaraan kenderaan elektrik.

Di Negeri Sembilan, pembangunan kilang kereta elektrik yang diusahakan oleh Careplus dengan kerjasama GoAuto dan NexC Manufacturing Sdn Bhd mampu membuka 600 peluang pekerjaan pada fasa pertama.

Ia dijangka akan bertambah dengan pembukaan fasa-fasa seterusnya.

Walau bagaimanapun, apabila kenderaan elektrik meningkat di Malaysia sudah tentu terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh pemilik kenderaan. Antaranya adalah infrastruktur pengecasan sedia ada tidak mencukupi.

Hal ini kerana Malaysia masih lagi berada dalam peringkat awal pembangunan infrastruktur pengecasan dan kekurangan stesen pengecasan yang mampu menjadi penghalang utama kepada pemilik kenderaan.

Tetapi, hal ini berkemungkinan akan dapat diatasi menjelang 2025 kerana melalui kerangka Ekonomi MADANI yang disediakan oleh kerajaan menyasarkan sekurang-kurangnya sebanyak 10,000 petak pengecasan kenderaan elektrik menjelang 2025.

Masalah yang kedua pula adalah harga pembelian yang tinggi.

Ini kerana harga pembelian awal sebuah kenderaan elektrik masih tinggi berbanding kereta petrol walaupun kos operasi lebih rendah dalam jangka masa panjang.

Dalam masa sama, kepa-

karan teknikal dan pusat servis kenderaan elektrik ini masih terhad seterusnya menimbulkan cabaran dalam penyelenggaraan dan pembaikan.

Sebagai seorang pembeli, sudah semestinya kita mahu sebuah kereta baharu mempunyai pusat servis yang banyak dan membuatkan masa menunggu lebih sekejap.

Daripada sisi lain pula, apabila penggunaan kenderaan elektrik ini meningkat sudah tentu ia akan memberikan tambahan kepada grid elektrik negara kita yang sudah tentu memberi sedikit tekanan kepada kapasiti tenaga elektrik kita.

Kesimpulannya lambakan kereta elektrik di Malaysia boleh membawa banyak kebaikan, terutama dari segi pengurangan pencemaran dan kos bahan api serta membuka peluang ekonomi baru.

Namun, untuk memastikan ia benar-benar bermanfaat, beberapa cabaran seperti infrastruktur pengecasan, kos pembelian, dan penyelenggaraan perlu ditangani dengan berkesan.

Kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat adalah penting untuk menyokong peralihan ini dan memastikan EV dapat diterima dan digunakan secara meluas di Malaysia.

Golongan pesakit dan kurang kemampuan terima sumbangan kewangan



ADUN Sungai Lui, Mohd Razi Mohd Ali telah menghulurkan 'Sumbangan Kesejahteraan Rakyat DUN Sungai Lui' kepada pelbagai golongan yang memerlukan.

"Sumbangan Kesejahteraan Rakyat

DUN Sungai Lui' merupakan program rutin mingguan saya untuk menyantuni golongan pesakit, pelajar, keluarga kurang kemampuan, persatuan dan lain-lain lagi,' katanya.

Keluarga B40, warga emas dan pelajar terima sumbangan kewangan



ADUN Repah, Veerapan Supramaniam telah menyampaikan sumbangan RM3,000 kepada Pusat Aktiviti Warga Emas Tampin (PAWE).

"Sumbangan ini bagi membantu persatuan ini menjalankan pelbagai aktiviti yang akan memberi manfaat kepada ahlinya.

"Saya juga menyampaikan sumbangan daripada RM300 sehingga RM1,000 kepada beberapa keluarga dan pelajar daripada golongan B40 yang memerlukan bantuan kewangan," katanya.



95 keluarga terjejas banjir terima sumbangan kewangan daripada Faez

Penyelaras DUN Labu, Ahmad Faez Abdul Razak telah menyampaikan sumbangan kewangan kepada 95 keluarga di Kampung Gadong yang terjejas dengan kejadian banjir.

"Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak membantu meringankan

beban mangsa banjir," kata Ahmad Faez.

Sumbangan tersebut sangat memberi kegembiraan kepada mangsa banjir dan mereka terharu dengan keprihatinan Ahmad Faez terhadap musibah yang mereka alami.

Projek Kelompok Prospek Serting Ilir tingkatkan pendapatan penduduk



ADUN Palong, Mustapha Nagoor telah mengadakan lawatan ke Projek Kelompok Prospek Serting Ilir di Kampung Serting Ilir.

"Projek ini merupakan antara satu inisiatif penting untuk meningkatkan hasil pertanian dan pendapa-

tan penduduk setempat.

"Kerajaan Negeri akan memastikan projek ini berjaya dan memberi impak positif kepada komuniti setempat," kata Mustapha.

Isu pencemaran sisa toksik di Taman Bandar Senawang dapat perhatian MK Ibrahim

Isu pencemaran sisa toksik di sebuah sungai di belakang Jalan 8, D'Lataenia, Taman Bandar Senawang (TBS) mendapat perhatian **Penyelaras DUN Paroi**, Dato' MK Ibrahim Abd Rahman.

"Saya bergegas ke lokasi selepas mendapat aduan daripada KRT (TBS).

"Memandangkan perkara ini serius dan perlu ditangani segera, saya telah meminta Majlis Bandaraya Seremban, Jabatan Alam Sekitar serta Jabatan Pengairan dan Saliran agar mengambil tindakan yang sewajarnya demi menjamin kesihatan penduduk sekitar," kata MK Ibrahim.



Bibi Sharliza santuni pesakit di HTAN Kuala Pilah

ADUN Juasseh, Puan Sri Bibi Sharliza Mohd Khalid telah menziarahi beberapa warga DUN Juasseh yang telah dimasukkan ke wad di Hospital Tuanku Ampuan Najah (HTAN) Kuala Pilah.

Bibi Sharliza menziarahi dan menyerahkan sumbangan kewangan kepada Fauziah Abu Zarip dari Taman Jemapoh yang diuji masalah kesihatan.

Komuniti Madani salur maklumat inisiatif kerajaan kepada masyarakat



ADUN Kota, Suhaimi Aini telah merasmikan Majlis Penutup Program JIWA Madani 'MOH BERLUNGHOK Cakna Info, Melestarikan Komuniti Sejahtera' di Dewan Orang Ramai Kampung Gadong.

"Tahniah kepada Komuniti Madani Kampung Gadong yang baru ditubuhkan yang akan menjadi mata dan telinga kerajaan menyalurkan inisiatif, maklumat dan dasar kerajaan kepada penduduk setempat," kata Suhaimi.

Tengku Zamrah sumbang RM5,000 kepada SMK Seri Ampangan



ADUN Ampangan, Tengku Zamrah Sulaiman telah memberikan sumbangan kewangan sebanyak RM5,000 kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampangan.

Tengku Zamrah berkata, sumbangan tersebut adalah bertujuan membantu membeli keperluan para pelajar dan guru-guru di sini.

"Dalam majlis sama, saya turut memberikan penghargaan kepada pelajar yang menerima Anugerah Kecemerlangan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023," kata Tengku Zamrah.



Lima keluarga terima bantuan baik pulih daripada Noorzunita

Sebanyak lima buah keluarga di DUN Pilah terima bantuan baik pulih rumah daripada **ADUN Pilah**, Noorzunita Begum Mohd Ibrahim.

Noozunita berkata, bantuan tersebut diberikan melalui Skim P56 Baik Pulih Rumah Kerajaan Negeri Sembilan.

"Diharapkan dengan bantuan ini ia mampu memberi sedikit kelegaan

di atas keresahan penduduk berkenaan dengan masalah kerosakan yang berlaku di rumah mereka.

"Kami di peringkat Negeri Sembilan amat komited dalam menangani permasalahan rakyat bagi memastikan negeri ini menjadi sebuah negeri maju tanpa meminggirkan golongan yang memerlukan bantuan," kata Noorzunita.

Sekolah tempat lahirkan anak bangsa yang positif



Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, bahawa sekolah merupakan tempat untuk kita melahirkan anak bangsa yang lebih positif.

"Karakter bangsa ini dapat diwujudkan dengan pengorbanan yang dilakukan oleh para guru kita hari ini.

"Selain itu, peranan ibu bapa dalam memberi kerjasama bagi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) juga amatlah penting.

"Ini supaya kita dapat menjadikan sekolah sebagai tempat untuk mengumpulkan komuniti setempat.

"Dalam masa sama, kita dapat mewujudkan semangat kekitaan dalam kalangan kita dan menunjukkan sahsiah yang baik.

"Seterusnya menjadi ikutan oleh anak bangsa kita," kata Aminuddin yang juga Ahli Parlimen Port Dickson.

Kerja pembinaan pagar di Masjid Kampung Tangkoh berjalan lancar



Ahli Parlimen Kuala Pilah, Dato' Adnan Abu Hassan telah meninjau kerja-kerja pembinaan pagar di Masjid Kampung Tangkoh dan Surau Ubudiah Bukit Temansu.

"Apabila pagar ini siap, diharapkan ia akan menghalang haiwan liar dan peliharaan seperti anjing, kambing dan lembu daripada masuk ke kawasan masjid dan surau," kata Adnan.

Kampung Dato' Johan bakal dapat jambatan baharu

Ahli Parlimen Jempol, Dato' Shamshulkahar Mohd Deli telah turun padang bagi melihat progres projek pembinaan jambatan baharu di Kampung Dato' Johan.

"Adalah diharapkan apabila jambatan ini siap dibina sepenuhnya, ia akan memberi kemudahan dan keselesaan kepada penduduk setempat," ujar Shamshulkahar.



Balik dari Jordan, singgah di Rantau



Sekembalinya dari tugas rasmi di Jordan, **ADUN Rantau**, Dato' Seri Utama Mohamad Hasan telah balik ke kawasannya di Parlimen Rembau dan DUN Rantau.

Beliau sempat singgah di kampung beliau di Rantau untuk melihat dua ekor anak kambing yang baru berumur 10 hari.

Walaupun sibuk dengan tugas sebagai menteri, beliau tidak pernah lupa untuk pulang ke kawasan.

Masalah banjir Kuil Takau Batu 17 akan diatasi segera



ADUN Sri Tanjung, Dr.G. Rajasekaren telah turun padang bagi melihat masalah banjir kilat yang berlaku di Kuil Takau Batu 17.

Rajasekaren berkata, beliau akan berusaha bagi memastikan masalah ini diatasi segera dan ini ter-

masuk menaik taraf sistem saliran agar mampu menampung aliran air yang lebih besar.

"Cadangan lain adalah memasang dinding pagar kedap air bagi mengelakkan air melimpah masuk ke dalam kuil," kata Rajasekaren.



PIBG medium mencorak masa depan sekolah dan pelajar - Mohd Zaidy

ADUN Jeram Padang, Dato' Mohd Zaidy Abdul Kadir telah merasmikan Mesyuarat Agung PIBG Kali Ke-53 SJKT Ladang Sialang, Bahau.

"Mesyuarat PIBG merupakan medium untuk perbincangan di antara ibu bapa dan guru. "Medium inilah kita dapat mencorak apakah arah

tuju sekolah demi mendidik anak-anak kita semua ke arah kejayaan."

"Saya berharap barisan kepimpinan PIBG yang baru akan membawa lebih banyak inisiatif dan idea untuk meningkatkan kecemerlangan anak-anak kita nanti," ujar Mohd Zaidy.

Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak sasar pelajar sekolah



ADUN Bukit Kepayang, Nicole Tan Lee Koon telah merasmikan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak di Sekolah Kebangsaan Seremban 2A.

"Kumpulan sasaran program ini adalah kanak-kanak sekolah rendah dan menengah yang berumur antara sembilan ke 17 tahun di daerah Seremban," kata Nicole Tan.

Sufian dilantik Bapa Angkat Sukan Memanah Negeri Sembilan



ADUN Seri Menanti, Muhammad Sufian Maradzi dilantik sebagai Bapa Angkat Sukan Memanah Kontinjen Negeri Sembilan sempena Sukan Malaysia SUKMA ke-21 yang akan berlangsung di Sarawak pada 17 Ogos hingga 24 Ogos 2024.

"Saya telah diberikan amanah untuk menjadi Bapa Angkat Sukan Memanah."

"Kita akan beri prestasi yang terbaik demi Negeri Sembilan yang kita sayangi," kata Sufian Maradzi.

Bakri sumbang Bantuan Anak Sekolah kepada 36 pelajar



Seramai 36 pelajar sekolah dari DUN Klawang menerima Bantuan Anak Sekolah (BAS) daripada **ADUN Klawang**, Dato' Ir.Bakri Sawir.

"Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan tanggungan ibu bapa penerima dalam tanggungjawab memberi pendidikan kepada anak-anak,' kata Bakri.

Jalaluddin serah Bantuan Anak Sekolah berjumlah RM38,000



Seramai 64 pelajar dari DUN Pertang menerima Bantuan Anak Sekolah (BAS) daripada **ADUN Pertang**, Jalaluddin Alias.

"Ia melibatkan lapan buah sekolah kebangsaan dan jumlah peruntukan mencecah RM38,400.

"Impian Kerajaan Perpaduan tidak pernah lari daripada melihat pengupayaan kehidupan rakyat terus terbelakar dari semasa ke semasa," ujar Jalaluddin.

Program Jom Dhuha merapatkan 'anak istimewa' dengan Allah



ADUN Palong, YB Mustapha Na-goor telah merasmikan Program Jom Dhuha Anak Istimewa di Masjid An-Nur Felda Palong 8.

"Program ini sangat bermakna kerana ia bukan sahaja mendekatkan 'anak-anak istimewa' kita kepada agama, tetapi juga memberi ilmu

dan pencerahan kepada ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka.

"Melalui solat Dhuha bersama, 'anak-anak istimewa' kita dapat merasakan keindahan beribadah dan merapatkan diri kepada Allah," katanya.



Gunasekaren bantu KRT Fasa 5 Taman Seremban Jaya anjur kempen cegah aedes

ADUN Seremban Jaya, P.Gunasekaren telah menyampaikan sumbangan kewangan kepada Pengurus KRT Fasa 5, Taman Seremban Jaya bagi menjalankan program gotong royong bertujuan mencegah ancaman nyamuk aedes dan demam denggi.

197 warga emas terima sumbangan kewangan daripada Aminuddin



ADUN Sikamat, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun menyerahkan Sumbangan Keceriaan Warga Emas kepada 197 warga emas dari DUN Sikamat.

Manakala seramai 29 pelajar dari keluarga kurang kemampuan menerima bantuan melalui program Bantuan Anak Sekolah (BAS).

"Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam meningkatkan kualiti hidup golongan warga emas supaya tiada kelompok rakyat yang tercincir serta memastikan perbelanjaan pendidikan anak-anak diberi perhatian sewajarnya," kata Menteri Besar Negeri Sembilan itu.

Pelajar sekolah berasrama penuh terima bantuan kewangan



ADUN Johol, Saiful Yazan Sulaiman telah menyerahkan sumbangan kewangan kepada anak-anak (pelajar) DUN Johol yang akan meneruskan pembelajaran sekolah menengah mereka di sekolah-sekolah berasrama penuh di seluruh negara.

"Tahniah, semoga anda semua akan gunakan peluang yang berharga ini sebaik mungkin dan berjaya dengan cemerlang di masa hadapan, Insya Allah," kata Saiful Yazan.

Suhaimizan jogging bersama penduduk kampung



ADUN Gemencheh, Suhaimizan Bizar telah dijemput oleh penduduk Kampung Parit Buloh untuk berjogging secara bersama.

"Saya dimaklumkan, penduduk kampung selalu berjogging setiap

minggu.

"Kali ini saya dijemput dan terima kasih kepada penduduk kampung kerana sudi menjemput saya untuk bersama dalam aktiviti ini," kata Suhaimizan.



Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan

Aspirasi PERPADUAN Negeri Sembilan
5 Tekad 10 Teras
8 Skim Sejahtera Rakyat

SETAHUN KERAJAAN PERPADUAN NEGERI SEMBOLAN

01

KEADAAN POLITIK
YANG STABIL DAN
KUKUH

02

PENYAMPAIAN
INSENTIF KEPADA
RAKYAT SECARA
TERUS BAGI
MERINGANKAN KOS
SARA HIDUP

03

SUBURNYA
AKTIVITI
PENGIMARAHAN
MASJID DAN
DAKWAH ISLAM

04

PEMBELAAN
TERHADAP RAKYAT
MISKIN TEGAR
SECARA
KONSISTEN



YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Harun

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Agama Islam dan Keselamatan.
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kewangan, Tanah Dan Sumber Alam.
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelaburan, Infrastruktur, Utiliti dan Kemudahan Awam.



YB Puan Nicole Tan Lee Koon

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelancongan, Kesenian Dan Kebudayaan.



YB Datuk Seri Haji Jalaluddin Bin Haji Alias

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi.
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup.



YB Hajah Tengku Zamrah Binti Tengku Sulaiman
Exco Kesihatan, Perpaduan, Penerangan, Integrasi Nasional dan NGO



YB Tuan Veerapan A/L Superamaniam

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan.



YB Dato' Hj. Ismail Bin Hj. Lasim
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pendidikan dan Modal Insan.



YB Tuan Arul Kumar A/L Jambunathan
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan.



YB Puan Noorzunita Begum Bt Mohd Ibrahim
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

05

**UNJURAN
PENDAPATAN
NEGERI
SEMAKIN
BERTAMBAH**

06

**KEYAKINAN
PELABUR BAGI
MERANCACKAN
EKONOMI NEGERI**

07

**INDEKS
PERPADUAN NEGERI
ANTARA
TERBAIK DI
MALAYSIA**

08

**PENCAPAIAN
AKADEMIK PELAJAR
TERBAIK PERINGKAT
KEBANGSAAN**

09

**PENINGKATAN
PELUAN
PEKERJAAN BAGI
ANAK MUDA**

10

**PENGURANGAN
KETARA
KETIRISAN DALAM
PERBELANJAAN
DANA NEGERI**



YB Tuan Hj. Mustapha Bin Nagoor
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Belia dan Sukan.



YB Datuk Mohd Faizal Bin Ramli
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Warisan, Teknologi, Inovasi dan Digital.



YB Tuan Teo Kok Seong
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Perindustrian dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Terima kasih rakyat Negeri Sembilan!

SMK Seremban 3 terima dana RM51,250 daripada Cha Kee Chin

RASAH: Ahli Parlimen Rasah, Cha Kee Chin telah memperuntukkan sumbangan sejumlah RM51,250 pada tahun ini kepada pembangunan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seremban 3.

"Semasa merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PIBG SMK Seremban 3, saya telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM51,250.

"Peruntukan ini termasuk dana PIBG, 700 buah kerusi plastik, 130 buah meja peperiksaan, 30 buah bangku makmal dan 20 buah meja banquet 6 kaki.

"Jumlah peruntukan ini adalah lebih tinggi berbanding RM30,000 pada tahun lepas.

"Harapan saya agar peruntukan yang bertujuan untuk menambah baik kelengkapan sekolah ini akan memanfaatkan semua warga sekolah dan seterusnya menyuntik semangat baru kepada mereka," kata Cha.

Dalam pada itu, Cha turut menyampaikan anugerah kecermerlangan kepada pelajar cemerlang SPM 2023.



APC Pendidikan: Motivasi untuk terus sukses dan unggul

FADHLINA SIDEK

Menteri Pendidikan

Hari ini, saya merasmikan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Pingat Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023 serta Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2023/2024 Kementerian Pendidikan Malaysia, di Kajang.

Terbang tinggi si burung bayan, Hinggap berehat di tepian titi; Selamat bersara ufuk ingatan, Mekar jasa di taman bakti.

Saya rakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua penerima APC dan PPC.

Semoga dengan pengiktirafan ini dapat dijadikan motivasi untuk terus sukses dan unggul dalam kerjaya serta menjadi suri teladan atau inspirasi kepada rakan-rakan sejawat yang lain dalam mengecap kecemerlangan karier.

Bagi rakan-rakan pesara, saya doakan keafiatan, kebahagiaan dan kesejahteraan dalam meniti waktu persaraan.

Pastinya kalian tidak akan hanya duduk diam dalam tempoh persaraan kerana idealisme perjuangan kita akan terus tetap dimanifestasi dalam kehidupan bermasyarakat.

Terima kasih atas segala pengorbanan, jasa dan khidmat kebaktian yang telah dicurahkan selama perkhidmatan khususnya dalam pendidikan.

Walaupun penganjuran majlis pada hari ini tidak dapat menandingi jambangan budi dan kalungan jasa yang telah dicurahkan kepada kementerian ini, saya amat berharap agar penghargaan dan majlis pada hari ini akan menjadi memori indah kepada semua.

Terbang tinggi si burung kenyalang, Indah pelepahnya, berwarna-warni; Penjawat awam cemerlang terbilang, Prestasi unggul aspirasi Madani.



Kursus Teknik Bercerita Kanak-Kanak

Akademi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menawarkan kursus Teknik Bercerita Kanak-kanak yang bertujuan untuk memberikan ilmu pengetahuan dan kefahaman kepada peserta kursus tentang cerita kanak-kanak.

Di samping itu, kursus ini juga dapat membina keyakinan peserta untuk menyampaikan cerita dan membuat persembahan, selain mendedahkan peserta kepada kaedah dan teknik bercerita kanak-kanak.

Kursus ini akan diadakan dari 8.30 pagi hingga 4.30 petang pada 23 dan 24 September 2024, di Wisma DBP, Kuala Lumpur.

PENYERTAAN TERBUKA

KURSUS TEKNIK BERCERITA KANAK-KANAK
23 – 24 September 2024

8.30 pagi – 4.30 petang | Wisma DBP, Kuala Lumpur

Untuk maklumat lanjut:
Hajah Fauziah binti Hassan
03-2147 0213/018-3558657
hfauziah@dbp.gov.my
akademi@dbp.gov.my

Yuran RM300.00 seorang

Pembayaran ke akaun Dewan Bahasa dan Pustaka: 1402 3010 0180 02 Bank Islam (M) Bhd.

Sila imbas untuk permohonan kursus

Penceramah
Dato' Mohd Azhar bin Ishak

Logo

ATM bantu jayakan gotong-royong MADANI di SK Si Rusa

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dan Briged Pertama Infantri Malaysia dengan kerjasama warga Sekolah Kebangsaan Si Rusa, Port Dickson telah menjayakan program Gotong-Royong MADANI.

Program ini dirasmikan oleh Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek. Fadhlina dalam ucapan perasmian mengucapkan setinggi penghargaan kepada Panglima 1 Briged, Brigedier Jeneral Mohammad Noorlizam Sham suddin yang turut hadir



memimpin pasukan beliau dalam program ini.

"Kerjasama strategik ini tidak saji memberi ruang kepada pihak tentera ber-

hubungan dengan masyarakat awam tetapi juga memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada para pelajar tentang tugas serta peranan pasukan

tentera dalam menjaga keselamatan dan kedaulatan negara.

"Penglibatan pasukan keselamatan serta agensi-agensi lain dalam program-program di sekolah amat diperlukan kerana kita yakin untuk membangun ekosistem pendidikan ini memerlukan peranan semua pihak.

"Khususnya dalam program gotong-royong seperti ini yang mengangkat nilai-nilai kerjasama, bantu-membantu, bertanggu-

ngjawab, kebersihan dan sebagainya yang mesti diamalkan bukan sahaja dalam lingkung bilik darjah di sekolah tapi mesti menjadi amalan sepanjang hidup kita," kata Fadhlina.

Sofea Umairah harumkan nama Malaysia di ASEAN School Games



SEREMBAN: Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu Kikir, Adik Sofea Umairah Khairudin telah mengharumkan nama sekolah dan Negeri Sembilan.

Sofea Umairah mewakili Malaysia ke ASEAN School Games dalam acara pencak silat dan mendapat

pingat gangsa dalam acara tersebut.

Tahniah diucapkan kepada Sofea Umairah.

Semoga kejayaan ini memberi inspirasi kepada seluruh anak didik untuk lebih maju dan berjaya di masa akan datang.

JKKP dan JPNS lawat SMK Mantin, bincang penambahaikan



Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Sembilan (JKKP) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) telah mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mantin.

SMK Mantin merupakan salah satu sekolah dibawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menawarkan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) dalam bidang servis dan penyelenggaraan motosikal.

Antara pengisian program termasuk taklimat pengenalan jabatan dan perundangan terkini yang berkaitan.

Pemeriksaan tempat kerja turut dilakukan dan selanjutnya bera-khir dengan sesi perbincangan penambahaikan masa hadapan.

Tuanku Muhriz rasmi hab pembuatan Dutch Lady bernilai RM540 juta

SEREMBAN: Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Mukhriz Tuanku Munawir merasmikan Dutch Lady Milk Industries Bhd (DLMI) di Bandar Enstek.

Tuanku Mukhriz bertitah, pelaburan sebanyak RM540 juta itu adalah simbol cita-cita berani DLMI untuk menyuburkan generasi dengan produknya yang berkualiti tinggi, mampu dan disahkan halal serta baginda berharap kemudahan pembuatan baharu itu akan membawa kejayaan dan kemakmuran yang berterusan.

"Bagi pihak rakyat Negeri Sembilan, beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada DLMI pada majlis yang

bertuah ini dan menyampaikan penghargaan kami kepada kedua-dua pihak berkepentingan iaitu Kerajaan Negeri Sembilan dan Kerajaan Persekutuan, yang memberi sokongan padu dan usaha berdedikasi dalam memainkan peranan penting bagi menjayakan projek transformatif ini.

"Ketika kita memulakan era baharu kecemerlangan tenusu melalui DLMI@Enstek, beta penuh yakin terhadap peluang tanpa sempadan yang menanti di hadapan," titah Tuanku Muhriz.

Sementara itu, EXCO (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi, Dato' Jalaluddin Alias yang mewakili Menteri Besar berkata, kemudahan pembuatan

ini yang dijangka beroperasi pada suku ketiga tahun ini disepakukan dengan teknologi Industri 4.0 untuk memenuhi permintaan di pasaran Malaysia dan serantau bagi jangka panjang.

"DLMI yang terletak di hab halal adalah tiga kali ganda lebih besar daripada kemudahan DLMI di Petaling Jaya, Selangor.

"Kilang pembuatan DLMI baharu ini akan meningkatkan daya saing Negeri Sembilan sebagai magnet bagi pelaburan baharu dan seterusnya membantu mewujudkan faedah ekonomi sampingan baharu kepada ekonomi tempatan," ujar beliau.



Projek rintis Dasar Gaji Progresif telah bermula melibatkan 1,000 syarikat

Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif telah bermula dengan projek rintis melibatkan 1,000 syarikat

Ini adalah usaha kerajaan untuk memastikan gaji rakyat tinggi selari dengan peningkatan produktiviti selain tumpuan untuk melonjakkan Malaysia ke status negara berpendapatan tinggi.

Bagi projek rintis ini, penyertaan dibuka kepada lima sektor iaitu sektor pembuatan, pembinaan, perdagangan borong dan runcit; pemberian kenderaan bermotor dan motosikal, maklumat dan komunikasi serta aktiviti profesional, saintifik dan teknikal.

Pemilihan syarikat bagi projek rintis ini akan melalui proses yang menekankan sokongan dasar, tahap keperluan sektor serta kesaksamaan.

Penilaian projek rintis akan dilaksanakan pada September 2024 untuk memastikan ketersediaan dasar sebelum Dasar Gaji Progresif secara menyeluruh dilaksanakan kepada semua majikan dan ekonomi.

Majikan boleh menuntut insentif tunai daripada kerajaan sekiranya memenuhi syarat kelayakan dengan pekerja bergaji antara RM1,500 dan RM4,999.

Syarikat yang terpilih akan menerima insentif berjumlah maksimum RM200 sebulan bagi setiap pekerja peringkat permulaan (entry level) dan maksimum RM300 sebulan bagi setiap pekerja bukan peringkat permulaan (non-entry level).

Setiap pekerja yang berdaftar di bawah Dasar Gaji Progresif perlu menjalani kursus/latihan peningkatan kemahiran sekurang-kurangnya selama tiga hari (21 jam).

Kepada majikan yang ingin mengetahui maklumat lanjut termasuk garis panduan penuh


pelaksanaan dan latihan boleh didapati di laman web: <https://gajiprogresif.gov.my/>

YB RAFIZI RAMLI

Menteri Ekonomi



Loke mahu KLIA jadi hab kargo ASEAN



PUTRAJAYA: Menteri Pengangkutan, Loke Siew Fook mahu menjadikan Lapangan Terbang KLIA sebagai satu hab kargo ASEAN.

"Baru-baru ini saya telah pergi ke Lapangan Terbang Zhengzhou, Wilayah Henan, China untuk terima kargo nangka hasil keluaran Malaysia dari Temerloh.

"Bertapak di bahagian tengah

China, Lapangan Terbang Zhengzhou mempunyai kemudahan logistik dan rantaian sejuk yang sempurna di mana kargo boleh diterbang dalam dua jam yang merangkumi 92 peratus jumlah populasi China.

"Manakala Lapangan Terbang KLIA juga bertapak di pertengahan ASEAN dan mempunyai ramai bakat sektor penerbangan.

"Kita sedang bincang untuk adakan kerjasama dengan Lapangan Terbang Kargo Zhengzhou supaya kita juga menjadikan Lapangan Terbang KLIA sebagai satu hab kargo di rantau ASEAN," jelas Loke yang juga Ahli Parlimen Seremban.

Menurut Loke lagi, kerjasama ini membuka pasaran yang luas untuk hasil-hasil keluaran Malaysia ke China.

Seremban ke arah 'Smart City'

SEREMBAN: Majlis Bandaraya Seremban (MBS) merupakan PBT pertama di Negeri Sembilan yang telah mewujudkan sebuah Pelan Tindakan yang menyeluruh berkaitan pembangunan mampan iaitu yang dinamakan Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon Seremban 2027.



EXCO (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi, Dato' Seri Jalaluddin Alias berkata, ini seharusnya menjadikan satu contoh kepada PBT lain untuk bersama-sama berusaha melaksanakan inisiatif seperti ini kerana ianya adalah selaras dengan Agenda Pembangunan Negara yang mendukung Agenda Pembangunan Mampan – Sustainable Development Goals (SDG).

"Kerajaan Malaysia turut memberi penekanan kepada perancangan dan pelaksanaan Bandar Pintar menerusi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) yang memberi keutamaan pembangunan bandar yang mampan dan pintar serta menjadikan bandar-bandar di

Malaysia setaraf dengan bandar pintar peringkat global.

"Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN 4) yang telah menggariskan hala tuju strategik dan tindakan ke arah merealisasikan aspirasi Malaysia sebagai sebuah Negara Pintar (Smart Nation) menjelang 2040.

"Kerajaan juga turut memberi fokus kepada lain-lain dasar yang berkaitan bandar pintar dan rendah karbon iaitu Pelan Hala Tuju Strategik Internet of Things (IoT) Kebangsaan, Green Technology Masterplan Malaysia 2017- 2030, Low Carbon Cities Framework dan lain-lain lagi," kata Jalaluddin.

Menurut Jalaluddin, Agenda Bandar Pintar ini telah diformulasikan mengikut acuan negara sendiri dan saya percaya kerajaan sentiasa

menggalakkan semua negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menghasilkan idea, kreativiti dan inovasi yang unik serta tersendiri.

"Matlamat akhirnya nanti adalah untuk kita menjadikan bandar kita adalah sebuah bandar yang dapat menyediakan perkhidmatan perbandaran dan pembangunan yang cekap, berkesan dan mampan.

"Konsep bandar pintar ini digunakan sebagai salah satu pendekatan untuk menyelesaikan isu-isu perbandaran bagi meningkatkan kualiti hidup, menggalakkan pertumbuhan ekonomi, membangunkan persekitaran mampan dan selamat serta menggalakkan pengurusan bandar yang cekap melalui penggunaan ICT dan kemajuan teknologi," jelas beliau lagi.

Kerajaan dah tak bantu Bumiputera?

YB RAFIZI RAMLI

Menteri Ekonomi

Baru-baru ini, saya umum pelarasan semula tiga agensi mandat Bumiputera di bawah Kementerian Ekonomi iaitu TERAJU, Yayasan Peneraju dan Ekuinas.

Ada dua pengumuman yang kena kecam:

1. Bahawa agensi-agensi ini akan menukar kaedah dari memberi geran kepada memberi akses modal berbentuk pinjaman.

2. Dana berjumlah RM1 bilion oleh TERAJU dan RM800 juta oleh Ekuinas disediakan bagi tujuan ini.

Kecaman pertama, ada yang menuduh kerajaan berhenti memberi geran.

Geran ini maksudnya bantuan kewangan yang tidak perlu dibayar balik.

Bantuan seperti ini masih disediakan, tetapi oleh agensi-agensi lain yang memberi tumpuan kepada peniaga kecil yang memerlukan modal kecil.

Selalunya sekitar beberapa ratus ribu - MARA ada, Tekun ada, malah Amanah Ikhtiar pun ada.

Akses modal yang ditawarkan oleh TERAJU adalah untuk perniagaan Bumiputera yang saiznya lebih besar.

Sebelum ini, ada penerima geran dari syarikat Bumiputera yang saiz sederhana yang mendapat geran sehingga melebihi RM1 juta.

Jika difikirkan, kalau peminjam Amanah Ikhtiar dari golongan miskin pun perlu membayar balik pinjaman, adalah lebih adil jika niagawan Bumiputera yang lebih selesa kewangannya berbanding golongan miskin

ini, untuk turut membayar balik modal yang diberikan agensi kerajaan.

Modal ini boleh digunakan untuk memberi lebih banyak akses modal kepada peniaga-peniaga lain supaya kita boleh mempercepatkan usaha membina kelas niagawan Bumiputera yang mampan.

Kecaman kedua, ada yang mempersoalkan bagaimana sejumlah RM1.8 bilion boleh diperuntukkan oleh TERAJU dan Ekuinas, sedangkan kerajaan sedang melaraskan kembali peruntukan.

Caranya mudah:
Kerajaan tidak memberi peruntukan baru kepada TERAJU dan Ekuinas.

Dana RM1 bilion TERAJU adalah menggunakan peruntukan sebelum ini yang tidak dipakai, seterusnya dijadikan jaminan kepada bank-bank.

Syaratnya bank-bank memberi pinjaman kepada niagawan Bumiputera menggunakan dana mereka sendiri.

Peruntukan dari TERAJU hanya dipakai sekiranya peminjam gagal membayar balik, barulah tanggungan itu dibayari oleh TERAJU melalui skim jaminan kredit.

Wang RM800 juta oleh Ekuinas pula adalah dari dana terkumpul Ekuinas selama ini yang akan ditawarkan dalam bentuk kredit persendirian.

Jangan lepaskan peluang ini.

Boleh layari laman web TERAJU (<https://programs.teraju.gov.my/>) dan EKUINAS (<https://www.ekuinás.com.my/our-investments/business-proposal>) untuk mula memohon.

Lebih banyak rumah mampu milik dibina di Negeri Sembilan

SEREMBAN: Peningkatan kos bahan dan harga tanah menyebabkan kos pembinaan sesbuah unit rumah juga telah meningkat.

Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan, J.Arul Kumar berkata, sepanjang 10 tahun lepas peningkatan kos untuk membina sebuah rumah telah meningkat dengan lebih ketara.

"Keadaan ini telah menyebabkan pembinaan rumah mampu milik atau pembukaan kawasan baru

perumahan di Negeri Sembilan telah menunjukkan trend penurunan.

"Untuk mengimbangi keadaan tersebut Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk menaikkan harga rumah Type A daripada RM80,000 kepada RM110,000 bermula Februari 2024.

"Ini akan memastikan lebih banyak projek perumahan rumah mampu milik dapat dilaksanakan di Negeri Sembilan dan akan memberikan peluang kepada ramai keluarga di sini untuk memiliki rumah sendiri

dengan harga mampu milik dan bukan setakat mampu tengok sahaja,' kata Arul Kumar.

Arul Kumar berkata demikian kepada Negeri Kita di Ekspo Perumahan dan Hartanah Negeri Sembilan (MAPEX) di Palm Mall.

Sebanyak 18 pemaju dari seluruh Negeri Sembilan telah menyertai MAPEX yang telah berlangsung pada 31 Mei hingga 2 Jun lepas.

Para pemaju telah menawarkan sebanyak 4,508 unit hartaan dengan anggaran berjumlah RM2.57 bilion di Ekspo ini.



Khutbah Jumaat

ADAB YANG SEMAKIN HILANG

TARIKH: 17 MEI 2024 SUMBER: JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (JHEAINS)

Ilmu bukan sekadar mengumpul maklumat dan menghafalnya, bahkan ilmu mendidik jiwa dengan memperbaiki keadaan diri insan melalui amalan beragama dan hubungan dengan orang lain.

Oleh hal yang demikian, golongan solihin sangat menekankan kepentingan adab dalam menuntut ilmu supaya kesan ilmu itu benar-benar kelihatan pada diri orang yang berilmu.

Apabila adab dapat dilaksanakan, tingkah laku, tutur bicara dan hubungan seseorang itu dengan orang lain lebih santun dan teratur.

Kita sedang berada pada zaman yang kehilangan adab dalam menuntut ilmu. Guru-guru kini sedang menghadapi cabaran dan ujian yang pahit dalam mendidik anak bangsa.

Manakala bilangan pelajar yang kurang beradab dengan guru, tidak menghormati guru, malas belajar, lebih terpengaruh dengan pempengaruh, leka dan asyik bermain dengan media sosial serta macam-macam lagi, semakin membimbangkan.

Mereka lebih mengutamakan media sosial yang bercampur-baur antara yang negatif dengan positif berbanding dengan kata-kata dan nasihat guru.

Ada juga segelintir ibu bapa yang kurang mengambil berat soal adab anak dengan guru.

Ada juga yang seolah-olah menggalakkan anak supaya bersikap kurang adab dengan guru.

Adakah ibu bapa seperti ini sudah lupa bahawa jasa guru tidak dapat dibalas dengan wang dan harta?

Para sahabat Nabi SAW dan golongan solihin yang terdahulu sangat menghormati guru mereka.

Misalnya, para sahabat r.a menundukkan kepala dan senyap ketika mendengar Rasulullah SAW berbicara sehingga dikatakan kalau dijatuhkan jarum, pasti bunyi jarum dapat didengari.

Sayidina Abdullah bin 'Abbas r.a memegang tali kekang keldai gurunya iaitu Sayidina Zaid bin Thabit r.a dan membawanya sebagai tanda hormat.

Imam Shafi'i membuka lembaran kitab dengan begitu berhati-hati di hadapan gurunya supaya bunyi kertas tidak kedengaran, dihuatiri gurunya boleh terganggu.

Imam Abu Hanifah tidak melunjurkan kedua-dua kakinya ke arah rumah guru beliau, iaitu Hammad bin Abi Sulaiman, sedangkan jarak rumahnya dengan rumah Hammad bin Abi Sulaiman adalah jauh.

Adab terhadap guru itu bukanlah menunjukkan bahawa guru itu maksum atau terpelihara daripada melakukan dosa. Akan tetapi Islam mengajar kita menghormati guru kerana guru ialah wasilah untuk kita memperoleh ilmu.

Usahlah mendabik dada mengatakan bahawa "Akulah orang yang bijak" kerana di sebalik kebijakan kita, jasa guru amatlah besar. Untuk mendapat keberkatan ilmu, adab perlu diutamakan dan dijaga.

Berapa ramai orang yang ada ilmu, tetapi ilmunya tidak menjadikan dia semakin baik, malah ilmu itu sendiri menghijab, menutup minda dan menyesatkannya.

Hal ini terjadi mungkin disebabkan ilmunya yang tidak dihiasi dengan adab menyebabkan hilanglah keberkatan.

Terdapat lima pengajaran yang boleh diperolehi melalui khutbah ini.

Pertama: Ilmu, amal dan adab perlu bergerak seiringan supaya kesan ilmu dapat dilihat dalam kehidupan seharian.

Kedua: Teladanilah golongan solihin yang terdahulu dalam menjaga adab dengan guru kerana adab ialah asbab kita dapat mengamalkan ilmu.

Ketiga: Hormatilah guru dan berilah sokongan kepada mereka agar para guru dapat terus berbakti demi pembangunan ilmu dan sahsiah anak bangsa.

Imam Hasan al-Basri pernah menyatakan sebab adab itu didahulukan sebelum menuntut ilmu dengan katanya, "Ada orang yang menuntut ilmu tetapi ilmunya itu tidak kelihatan pada sikap merendah dirinya, pada pengajarannya, lidahnya dan perbuatannya."

Oleh itu, adab perlu diutamakan sebelum menuntut ilmu kerana adab adalah kunci dan punca ilmu."

Hati-hati dalam memilih pakej umrah

PORT DICKSON: Mufti Negeri Sembilan, Prof. Madya Dato' Dr. Faudzinain Badaruddin menasihatkan orang ramai agar berhati-hati dalam memilih pakej umrah.

Faudzinain berkata, hal ini kerana akhir-akhir ini terdapat beberapa kes yang menyebabkan jemaah menghadapi kesulitan dan terkandas di tanah suci.

"Oleh itu, kita perlu melihat dengan berhati-hati dalam memilih pakej umrah yang diperlukan.

"Ini supaya mereka tidak merasa tertipu dan akhirnya menyebabkan kerugian kepada diri mereka sendiri.

"Saya juga ingin menasihatkan orang ramai agar tidak mudah terpengaruh dengan tawaran pakej umrah yang berleluasa di media sosial.

"Kita perlu kenal pasti dahulu kesahihan pakej yang ditawarkan," kata Faudzinain.

Faudzinain berkata demikian di Majlis Perasmian Barakah Umrah di Lukut.



RANCANG KEWANGAN & KEBERKATAN
DENGAN POTONGAN ZAKAT BULANAN

1 > Layari www.mains.gov.my/zborang
Isikan maklumat diri

2 > Pilih Jenis Potongan

3 > Masukkan jumlah potongan atau buat kiraan sendiri di www.zakatmzu.biz

4 > Klik 'Kantar'

LEKSTRA KEBERKATAN
CEPAT - SELAMAT - BERPILIHAN

Facebook: @majlisagamasembilan | Website: www.mains.gov.my



MAINS bantu mangsa kebakaran

NILAI: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah turun padang bagi membantu mangsa kebakaran di Bandar Enstek.

Mangsa merupakan seorang ibu tunggal yang tinggal bersama dua orang anaknya.

Dalam kebakaran tersebut, dua orang anaknya terpaksa melompat keluar daripada tingkat atas rumah dan menyebabkan salah seorang daripada mereka patah kaki dan seorang lagi mengalami keretakan pada bahagian tumit.

MAINS yang diwakili Penolong

Pegawai MAINS (Operasi) Cawangan Nilai, Khaleeda Abas dan Penolong Agihan MAINS Cawangan Nilai, Nazirah Saad telah memberikan bantuan kilat.

Bantuan susulan disalurkan dalam masa terdekat bagi meringankan beban mangsa dan keluarga.

Sabar sebelum tersasar

Fatulhaqim Adnan

Kita sebagai umat manusia pasti akan ditimpa kesukaran dan ujian tidak kira latar belakang.

Apa pun kita pasti diuji mengikut kemampuan kita menghadapi ujian tersebut.

Memang mudah pada kata-kata bahawa kita perlu bersabar, namun bukan semua orang boleh memahami bagaimanakah erti sabar dan jenis sabar yang digaris dalam ajaran Islam.

Masih ada di antara kita yang akan mengeluh sehingga tidak dapat mengawal emosi yang akhirnya membawa kepada sifat manusia iaitu amarah.

Amarah adalah satu sifat atau ekspresi yang semula-jadi yang dilakukan secara spontan apabila menghadapi sebarang masalah.

Sedangkan Nabi Muhammad SAW pernah berasa marah dalam beberapa keadaan, antaranya peristiwa Usamah bin Zaid yang pernah membunuh seorang musuh di medan perang, meskipun dia telah mengucapkan syahadah.

Nabi SAW berkata kepada beliau:

Maksudnya: Apakah kamu

membunuinya sedangkan dia telah mengucapkan La ilaha illa Allah?

Usamah menjawab: Dia hanya mengucapkannya kerana takut dibunuh.

Nabi SAW membala: Apakah kamu telah membelah hatinya untuk mengetahui samada dia benar-benar beriman ataupun tidak?, Sahih Muslim (96)

Namun begitu, marah yang ditunjukkan oleh Rasullullah SAW bersebab dan ada hikmah disebalik marahnya baginda.

Kita sebagai umatnya perlu benar-benar memahami marah yang dibenarkan dan juga bagaimana menahan marah.

Sesungguhnya mengawal marah satu sikap terpuji dan dituntut.

Kemanisan mengawal kemarahan dan bersabar adalah satu nikmat yang diberikan oleh Allah SWT seperti disabdakan oleh baginda Rasulullah SAW :

Maksudnya: Seorang yang kuat itu bukanlah yang handal bergusti; seorang yang kuat ialah orang yang mampu mengawal dirinya sewaktu sedang marah, Sahih al-Bukhari (6114) dan Sahih Muslim (2609).

Istilah sabar berasal dari bahasa Arab yang bererti menahan, mencegah atau tabah.

Sedangkan secara istilah, sabar adalah menahan diri dari sifat kegundahan dan rasa emosi, menahan lisan dari keluh kesah, serta menahan anggota tubuh dari perbuatan yang tidak terkawal.

Antara jenis sabar ialah ialah sabar dalam ketakutan kepada Allah, di mana manusia perlu bersabar dalam beribadah kepadaNya.

Setiap ibadah yang dilakukan mahupun doa yang dipinta haruslah disulami dengan sifat sabar dan ikhlas agar terhindar daripada riak.

Ketika melakukan ibadah pula sabar agar tidak lalai dan khusyuk ketika beribadah.

Sabar selepas beramal agar tidak ujub dan jika doa yang dipinta tidak dimakbulkan secepat yang mungkin.

Seharusnya kita bersangka baik dengan Allah sepetimana Allah SWT berfirman: "Dan perintahkanlah keluargamu mendirikan solat dan bersabarlah dalam memerintahkannya." (QS. Thaha: 132)

Selain itu, sabar dalam menahan nafsu dan meninggalkan kemaksiatan di mana maksiat terasa nikmat apabila dilakukan namun ia adalah satu bala bagi manusia.

Kisah Nabi Yusuf yang menghindari ajakan berzina oleh Zulaikha dengan memilih bersabar dalam penjara menjauhi kemaksiatan.

Manusia akan tidak terlepas daripada sakit fizikal, kesakitan jiwa, kerugian harta benda dan kehilangan orang yang dikasihi.

Setiap ujian dan bencana yang datang samaada baik atau jahat yang akan membezakan Islam dengan bukan Islam adalah

bagaimana mukin menghadapi musibah itu dengan Redha.

Bersabar dalam musibah merupakan satu tangga untuk meningkatkan keimanan.

Firman Allah didalam Surah Al-Baqarah ayat 155, ertiya; Dan sungguh akan Kami berikan ujian kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.



Pesawah terima insentif pembajakan dan penuaian RM210 per hektar per musim

PUTRAJAYA: Susulan penyasar semula subsidi bahan api diesel, pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menaikkan Insentif Pembajakan iaitu daripada RM100 per hektar per musim kepada

RM160 per hektar per musim.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato' Seri Mohamad Sabu berkata, KPKM juga turut memperkenalkan insentif baru iaitu Insentif

Penuaian pada kadar RM50 per hektar per musim.

"Melalui kedua-dua insentif ini, pesawah akan menerima bantuan tunai berjumlah RM210 per hektar per musim," ujar beliau.



Kerajaan komited membangunkan ekosistem industri tanaman

Saya telah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara Bilangan 1 Tahun 2024, yang membincangkan usaha mempertingkat keterjaminan makanan serta memperkasa industri agromakanan negara.

Alhamdulillah, mesyuarat dimaklumkan mengenai prestasi dan produktiviti dalam sektor pertanian serta agromakanan yang tampak memberikan kesan positif dengan mencatatkan pertumbuhan dalam tempoh setahun kebelakangan ini.

Namun, saya tegaskan keperluan melaksanakan tindakan segera terhadap beberapa perkara mendesak terkait sektor ini, khususnya kelulusan pelaksanaan serta fasilitasi pelaburan dan perniagaan.



Elemen 'ease of doing business' wajar diterapkan bagi menyokong ekosistem perniagaan dalam sektor pertanian.

Kerajaan komited dengan pembangunan ekosistem industri tanaman serta pengadaptasian teknologi dan meneroka potensi makanan masa hadapan seperti daging kultur, hasil daging kultur dan cell-based food.

Justeru itu, inisiatif ini perlu didahului dengan kajian yang menyeluruh bagi memastikan tahap kualiti dan keselamatan makanan adalah terjamin.

Inisiatif pemodenan pertanian seperti pembangunan kilang tanaman akan menyokong pertumbuhan industri teknologi pertanian bagi menghasilkan pengeluaran makanan yang

lestari sebagai alternatif kepada pengeluaran tanaman semasa.

Mesyuarat turut bersetuju dengan pembangunan indikator keterjaminan makanan merangkumi maklumat berkaitan harga dan ketersediaan makanan di seluruh peringkat.

Saya yakin segala ikhtiar yang diputuskan dalam mesyuarat ini akan terus melonjak pembangunan sektor pertanian dan agromakanan supaya menjadi penyumbang utama ekonomi negara dan terus memanfaatkan rakyat.

Dato' Seri Anwar Ibrahim
Perdana Menteri

Lawatan ke Program Smart Sawah Berskala Besar di Sekinchan

SEKINCHAN:

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah mengadakan lawatan kerja bagi melihat perkembangan Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di

sekitar Sekinchan.

Ahli Parlimen Tampin, YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa berkata, lawatan kerja ini adalah bagi melengkapkan prosiding berhubung 'Pengurusan

Penanaman Padi' di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

"Kami dibawa ke Kilang PLS Marketing (Sawah Padi Sekinchan) bagi

melihat demonstrasi laman padi dan transplanter.

"Kemudian ke FGV/Kilang Beras Berkat Padi di Sungai Haji Dorani bagi sesi taklimat SMART SBB

FGV Sungai Besar dan diakhiri di Regulator Parit 9, Sungai Leman bagi sesi taklimat mengenai sistem pengairan dan saliran," kata Mohd Isam.



PESTA BOLA NGOCA 2024

14 & 15 SEPTEMBER 2024

STADIUM NGOCA
PERKAMPUNGAN BUDAYA
TERACHI, KUALA PILAH

DAFTAR SEKARANG
PENDAFTARAN
RM300.00 (LELAKI)
RM250.00 (WANITAI)

JOHAN WANITA
RM 8,000

NAIB JOHAN RM 5,000
KE TIGA RM 3,000
KE EMPAT RM 1,500
4 SAGUHATI RM 1,000

JOHAN LELAKI
RM 15,000

NAIB JOHAN RM 10,000
KE TIGA RM 7,000
KE EMPAT RM 5,000
4 SAGUHATI RM 1,000

MALAYSIA MADANI

SILA IMBAS QR
DAN DAFTAR SEKARANG!

QR CODE

TAHUKAH ANDA?

Senarai Hotel Yang Mendapat Status Halal Dari Pihak Jakim

- | | |
|------------------------------------|---------------------------------------|
| 1 Avillion Admiral Cove | 12 Thistle Port Dickson Resort |
| 2 Akar Beach Resort | 13 D'Wharf Hotel & Serviced Residence |
| 3 Ehsan Seaview Hotel Port Dickson | 14 Corus Paradise Resort |
| 4 The Grand Beach Resort | 15 Seri Menanti Resort |
| 5 Avillion Port Dickson | 16 Royale Chulan Seremban |
| 6 Glory Beach Resort | 17 Port Dickson Golf & Country Club |
| 7 Grand Lexis Port Dickson | 18 Tasik Villa International Resort |
| 8 Lexis Port Dickson | 19 The Guest Hotel & Spa |
| 9 Klana Beach Resort Port Dickson | 20 Eagle Ranch Resort |
| 10 Melang Inn Hotel | 21 Ancasa Residences Port Dickson |
| 11 Palm Seremban Hotel | 22 Klana Resort Seremban |



thistle
PORT DICKSON RESORT



Royale Chulan
SEREMBAN



UJANG & INDUK

KILANG HARAM DI NEGERI SEMBILAN :

Menteri Besar Nq:

SEBUAH JAWATANKUASA KHAS BAKAL DITUBUHKAN, SIASAT KILANG HARAM.

PEMILIK KILANG HARAM MESTI PUTIHKAN SEMULA OPERASI. TETAPI SEKIRANYA MEREKA TETAP DEGIL KITA AKAN MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS.

DI NEGERI SEMBILAN :

Rakyat 1 : PIJIAN HARUS DIBERIKAN KEPADA MBNq YANG MENGETUAJI OPERASI SERBUAN KE ATAS KILANG HARAM.

KEDUDUKAN KILANG HARAMINI HAMPIR DENGAN TAMAN DAN KAMPUNG.

Rakyat 2 : KEBIASAANNYA KILANG HARAM MELEPASKAN SISA TOKSID KE SUNGAI.

PIHAK SAINS TERPAKSA HENTIKAN PROSES RAWATAN AIR DI LOJI AIR, KERANA KANDUNGAN KIMIA YANG TINGGI. DAN HUJAN.

Rakyat 3 : KEWUJUDAN KILANG HARAM INI MENIMBULKAN MASALAH PENCEMARAN ALAM SEKITAR.

SISA INDUSTRIINI BOLEH MELEPASKAN GAS @ BAHAN KIMIA KERANA TERDEDAH KEPADA MATAHARI DAN HUJAN.

megat@negerikita.com

KILANG HARAM DI NEGERI SEMBILAN : OPERASI SERBU DAN SITA .



RUANG IKLAN UNTUK DISEWA

**HUBUNGI
0105392654**

HANTAR KARYA ANDA!

Negeri Kita ingin membuka ruang kepada seluruh rakyat Negeri Sembilan yang ingin menghantar karya kreatif bagi terbitan Negeri Kita edisi akan datang.

Karya kreatif tersebut boleh seperti:

1. Kartun
2. Lukisan
3. Tulisan sajak / puisi
4. Cerpen
5. Seloka rakyat
6. Sinopsis buku

Hasil kreatif tersebut boleh di hantarkan ke:
bmsmedia.ns@gmail.com

Setiap hasil kreatif akan menerima cenderahati dari pihak negerikita.

Sila sertakan maklumat asas seperti nama, alamat dan nombor telefon.

Sanggul Lintang



Sanggul lintang tradisional Negeri Sembilan adalah salah satu variasi unik dari sanggul lintang yang menonjolkan kekayaan budaya dan adat istiadat masyarakat Minangkabau di negeri ini.

Sanggul lintang Negeri Sembilan biasanya dibentuk lebar dan datar, menonjol ke sisi, berbanding dengan gaya sanggul yang lebih menjulang ke atas.

Bentuk ini mencerminkan pengaruh budaya Minangkabau yang terkenal dengan



keunikan seni bina dan hiasan kepala mereka, seperti bentuk rumah gadang.

Sanggul ini sering dihiasi dengan aksesori tradisional seperti cucuk sanggul dan bunga emas atau perak. Selain itu, penggunaan 'alas sanggul' atau bantal kecil sering diperlukan untuk memberikan bentuk yang diinginkan.

Rambut disikat rapi dan diikat menjadi satu ekor kuda di belakang kepala.

Bahagian ekor kuda ini kemudian dibentuk menjadi sanggul dengan menggunakan teknik lilitan dan ikatan khas.

Rambut yang diikat dililit dan dirapikan ke arah sisi untuk membentuk sanggul yang lebar dan rata.

Penggunaan 'alas sanggul' membantu memberikan 'volume' dan ketahanan kepada sanggul tersebut.

Setelah sanggul terbentuk, ia dihiasi dengan cucuk sanggul, pin bunga, dan aksesori lain untuk menambahkan kecantikan dan keanggunan.

Sanggul lintang tradisional Negeri Sembilan bukan hanya sekadar gaya rambut, tetapi juga melambangkan status sosial, kematangan, dan keanggunan wanita Melayu.

Sanggul lintang ini sering dipakai dalam upacara perkahwinan tradisional Negeri Sembilan, terutama bagi pengantin perempuan.

Ia juga dipakai dalam majlis-majlis adat seperti majlis pertunangan dan majlis kebudayaan yang penting.

Sanggul lintang adalah sebahagian daripada warisan budaya Negeri Sembilan yang mencerminkan pengaruh budaya Minangkabau.

Ia dipelihara melalui penajaran dalam kelas-kelas ke-

budayaan dan kursus kecantikan tradisional.

Pelestarian seni membentuk sanggul lintang tradisional diajar dalam kelas-kelas kebudayaan, memastikan generasi muda memahami dan menghargai warisan ini.

Walaupun tidak lagi menjadi gaya rambut harian, sanggul lintang masih popular dalam majlis perkahwinan dan acara kebudayaan sebagai simbol penghormatan kepada tradisi dan adat istiadat.

Secara keseluruhannya, sanggul lintang tradisional Negeri Sembilan adalah lambang kecantikan dan keanggunan yang kaya dengan nilai-nilai budaya dan sejarah, yang terus dihargai dan dilestarikan dalam masyarakat Negeri Sembilan.

Teroka Daerah Apa menarik di Seremban?

Pada edisi lalu kita telah menyenaraikan aktiviti dan tempat menarik yang terdapat di Port Dickson. Oleh itu, setelah melihat laut, dalam edisi kali ini kita kembali ke ibu kota Negeri Sembilan iaitu Seremban.

Apabila berkata tentang bandar sudah tentu perkara pertama yang bermula di fikiran adalah pusat beli-belah.

Sudah tentu, pusat beli-belah adalah perkara yang terakhir anda perlu risaukan kerana di sini terdapat beberapa pusat beli-belah yang terkemuka.

Antaranya adalah Palm Mall yang terletak di Kemayan Square. Pusat beli-belah ini yang menariknya mempunyai hotelnya sendiri di tempat yang sama.

Oleh itu, jika sambil membeli-belah sudah mengantuk, anda tidak perlu mencari tempat yang jauh kerana di sini sudah mempunyai hotel.

Selain Palm Mall, anda juga boleh ke AEON Seremban 2 ataupun AEON Nilai. Melalui nama sahaja, orang ramai sudah boleh kenal. Oleh itu tidak perlulah diulas panjang lagi kan.

Walaupun begitu, tidak semua mereka yang datang ke Seremban ini mahu mencari pusat beli-belah.

Oleh itu, saya menyarankan agar anda ke Sendayan X-Park. Di sana pelbagai aktiviti boleh dilakukan seperti bermain golf, 'go-cart', memanah dan juga menaiki 'ATV'.

Sambil melakukan aktiviti, kita juga dapat mengeratkan silaturahim dengan pasangan atau ahli keluarga kita.

Selepas penat melakukan aktiviti, perkara wajib yang kita akan lakukan sudah semestinya 'mengopi'.

Manakan tidak, sambil mengopi boleh merehatkan badan ataupun istilah anak muda hari ini dipanggil 'healing'.

Terdapat beberapa kedai kopi yang sedap dan selesa untuk anda menikmati kopi anda.

Antaranya adalah seperti berikut:

- 1) Lands and People Cafe
- 2) Kuzi Coffee
- 3) Kokalamo Coffee

Apabila sudah puas menikmati kopi, mata pun sudah layu, badan pula sudah letih selepas melakukan aktiviti, di sinilah peranan hotel diperlukan untuk merehatkan badan.

Terdapat beberapa pilihan hotel yang selesa dan digalakkan hasil daripada maklum balas yang ditinggalkan oleh pelanggan.

Oleh itu, anda tidak perlu lagi pening kepala untuk memilih hotel. Saya telah membuat senarai pendek untuk memudahkan anda.

- 1) Royale Chulan
- 2) D&F Boutique Hotel
- 3) D'Sora Hotel

Maka dengan itu, lengkap sudahlah perjalanan sehari anda di daerah Seremban.

Kesimpulannya, Seremban mempunyai pelbagai tempat menarik untuk dikunjungi baik pusat beli-belahnya, tempat makannya maupun aktiviti yang boleh dilakukan.

Baiklah, sampai di sini sahaja Teroka Daerah kita dalam edisi kali ini.

Kita akan berjumpa pada edisi akan datang dengan daerah yang sesuai untuk 'Gen-Z' sebagai tempat 'healing' terbaik di negeri ini. Nantikan!

Edzwan Ashraf



Dampak kilang haram di Negeri Sembilan



DATA yang dikeluarkan oleh Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) menunjukkan terdapat 21 Loji Rawatan Air (LRA) yang mampu menampung keperluan air di tujuh daerah negeri tersebut, enam daerah di Negeri Sembilan mempunyai sekurang-kurangnya dua LRA namun hanya daerah Port Dickson sahaja yang mempunyai satu LRA iaitu Sungai Linggi.

Keadaan ini mengakibatkan masalah di LRA Sungai Linggi bakal memberi kesan kepada penggunaan air di seluruh daerah Port Dickson.

Sememangnya tidak dapat sering menghadapi masalah gangguan air kerana pencemaran yang melibatkan sumber air dari Sungai Linggi.

Operasi LRA Sungai Linggi bermula pada tahun 1999 namun masalah bekalan air secara serius bermula sekitar tahun 2016 apabila dapat dikesan bahan kimia mencemar Sungai Linggi.

Kesan paling ketara gangguan air yang menjelaskan LRA Sungai Linggi adalah pada Disember 2023 (pembuangan diesel) dan Mei 2024 (pelepasan cecair seakan minyak).

Kedua-dua insiden ini dikesan berpunca daripada kilang-kilang haram yang beroperasi di sepanjang Sungai Linggi.

Kilang-kilang haram ini melepaskan sisa toksik ke Sungai Linggi hingga mengakibatkan pencemaran.

Akibatnya bekalan air terganggu di seluruh daerah Port Dickson kerana tahap kandungan kimia yang tinggi di dalam air mentah di Sungai Linggi.

Kesan pencemaran tersebut adalah terhadap pengguna air di seluruh daerah Port Dickson yang berjumlah 37,000 orang.

Punca sebenar yang mengakibatkan pencemaran air di Sungai Linggi telah dikenalpasti daripada kilang haram yang menyeludup dan menyimpan diesel (2023) dan peleburan besi secara haram tanpa kebenaran Jabatan Alam Sekitar (2024).

Kilang-kilang haram ini telah menyalahgunakan permit yang diberi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Operasi yang dijalankan di kilang haram tersebut adalah berlainan dengan permit operasi yang dipohon daripada PBT atas status tanah pertanian.

Kedudukan kilang haram ini yang tersorok sekitar Sungai Linggi dan operasi kilang haram yang menggunakan tenaga kerja terdiri daripada warganegara asing menyebabkan operasi mereka sukar dikesan masyarakat dan pihak berkuasa.

Penyelesaian isu ini sedang diusahakan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun supaya tidak berulang lagi.

Justeru itu, beliau telah mengumumkan bahawa satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan dalam masa terdekat bagi menangani isu pencemaran terhadap Sungai Linggi.

Jawatankuasa itu akan dianggotai oleh wakil-wakil rakyat di kawasan sepanjang jajaran Sungai Linggi bersama jabatan dan agensi berkaitan.

Langkah ini dianggap perlu kerana hanya kerjasama pemerintah dan rakyat sahaja dapat menghentikan perbuatan teruk pengusaha kilang haram yang bermaharajalela mencearkan sumber air mentah di Sungai Linggi.

Dr.Mohd Fauzi Fadzil
Timbalan Pengurus Biro Pendidikan Majlis Belia Malaysia

Respon isu kilang haram



"Isu utama kewujudan kilang haram ini apabila kebiasaan mereka melepaskan sisa toksid ke sungai berdekatan."

Ini menyebabkan pencemaran kepada air sungai dan menimbulkan masalah yang lebih besar apabila SAINS terpaksa berhentikan proses rawatan air di loji air kerana kandungan kimia yang tinggi.

Akhirnya ia akan menyusahkan pengguna apabila bekalan air terpaksa diputuskan untuk sementara waktu sehingga kualiti air kembali ke tahap yang selamat.

Justeru itu, tindakan tegas sewajarnya diambil ke atas operasi kilang haram yang sering kali berselindung dengan permit atau status tanah pertanian."

HAZWAN ZULKIFLY
Jurutera swasta



"Pujian harus diberikan kepada Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun yang mengetuai beberapa operasi serbuan ke atas kilang haram."

Tindakan tegas Kerajaan Negeri ke atas kilang haram ini wajar disokong oleh rakyat kerana operasi kilang haram ini banyak menimbulkan masalah kacau ganggu di kawasan persekitaran.

Terutamanya apabila kedudukan kilang haram ini agak hampir dengan kawasan perumahan atau perkampungan."

NURDINA IZZATI MOHD FADZLI
Pegawai Pentadbiran

"Kewujudan kilang haram ini menimbulkan masalah pencemaran alam sekitar."

Sampah atau sisa industri dilonggok secara terbuka dan tanpa kawalan. Sampah terdedah kepada panas matahari dan hujan.

Ada kemungkinan sisa industri ini boleh melepaskan gas atau bahan kimia kerana faktor terdedah kepada panas matahari dan hujan.

Sudah pasti ini akan mewujudkan kesan sampingan kepada penduduk berhampiran apabila gas atau bahan kimia ini dibawa angin ke kawasan perumahan berhampiran.

MOHAMAD NURAIMAN AFIQ LIZAM
Pembantu stor



Aminuddin turut turun padang dalam proses serbuan kilang haram di Negeri Sembilan.

Duka Aidiladha di Gaza

Edzwan Ashraf

Ketika umat Islam seluruh dunia meraikan sambutan Aidiladha dengan penuh kegembiraan, lain pula bagi saudara kita di bumi Palestin.

Suasana duka dan hambar menyelubungi pagi raya di sana kerana ke ganasan rejim zionis yang memasuki bulan kesembilan.

Lebih sedih, mereka yang ingin

menunaikan solat sunat Aidiladha turut dihalang oleh tentera zionis yang mengawal kawasan masjid.

Identiti mereka perlu diperiksa terlebih dahulu sebelum dibenarkan masuk ke dalam masjid.

Manakala, para pemuda dihalang dan hanya dibenar solat di luar masjid sahaja.

Sehingga kini lebih 37,000 rakyat Palestin terbunuh oleh kekejaman zionis manaka 85,000 lagi cedera.

Sewaktu kanak-kanak lain berlari kegembiraan, di negara sendiri anak Palestin menjadi pelarian.

Adnan Abdu Aziz yang merupakan rakyat Palestin menyatakan bahawa setiap kali Aidiladha pelbagai juadah disajikan yang dimasak

bersama daging korban.

"Saya rindu akan suasana seperti dahulu ziarah-menziarahi serta berkumpul dengan keluarga."

"Kini, kami tidak lagi dapat melakukan aktiviti tersebut."

"Semua orang dalam keadaan sedih kerana kehilangan orang tersayang," kata beliau.



Israel mula sasarkan Lubnan: ERDOGAN



ANKARA: Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan berkata, Israel kini mula mensasarkan Lubnan.

"Selepas memusnahkan Gaza, kini perhatian mereka beralih ke Lubnan."

"Walaupun kuasa Barat dilihat seperti mengecam tindakan Isarel itu, namun dibelakang tabir mereka menyokongnya."

"Ini amat teruk dan juga

sedih bahwa kerajaan yang berbicara soal kebebasan, hak asasi manusia dan keadilan adalah tawanan orang yang sakit mental seperti Netanyahu."

"Turkiye akan bersama Lubnan, saya juga menyeru negara lain di rantau itu untuk menunjukkan solidariti dengan negara Asia Barat," kata Erdogan.

Pemain badminton China rebah atas gelanggang

YOGYAKARTA: Pemain badminton China, Zhang Zhi Jie yang berusia 17 tahun disahkan meninggal dunia setelah rebah atas gelanggang.

Zhi Jie rebah ketika menjentang Kazuma Kawano daripada Jepun dalam Kejohanan Remaja Asia (AJC) di Indonesia.

Susulan itu, telah tular satu

kan kecemasan yang kurang terlatih.

Disebabkan itu, Persatuan Badminton Indonesia (PBSI) telah memohon maaf atas kematian Zhi Jie di AJC.

Sehubungan dengan itu, PBSI telah mengambil tanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan penghantaran

pulang mayat pemain itu ke negaranya semula.

Atas kejadian tersebut, jawatankuasa penganjur telah bercadang untuk menghantar surat kepada Persekutuan Badminton Dunia (BWF) berhubung peraturan pasukan perubatan bagi mengelakkan kejadian sebegini berulang semula.



Kes simbah asid Faisal Halim jadi pedoman untuk kita semua: Fanatisme perosak sukan bola sepak

Kejadian tragis yang terjadi kepada pemain utama pasukan bola sepak Selangor FC mendapat simpati terhadap seluruh rakyat Malaysia.

Di samping itu, mengecam tindakan jenayah yang dilakukan penyimbah asid itu dan berharap si pelaku dapat ditangkap secepat mungkin.

Pada 13 Jun 2024 lepas, semasa sidang media bersama Faisal Halim, peguam dan pihak pengurusan Selangor FC; Faisal kelihatan sangat sebak dengan apa yang berlaku.

Menurut Faisal dia tidak bermusuhan dengan mana-mana pihak malah tidak pernah membekalkan mana-mana individu sekelilingnya tidak kira atas atau bawah.

Menurut peguam Selangor FC, Hajian Omar memberitahu sehingga kini tiada perkembangan siasatan kes ini sejak kali terakhir Faisal didatangi pihak polis semasa anak guam menerima rawatan di ICU.

"Melihat kepada kronologi ter-

masuk senjata digunakan adalah asid. Amat jelas dan diperlukan ia adalah keadaan yang sesuai untuk sesuatu siasatan di bawah kesalahan jenayah serius Seksyen 326 Kanun Keseksian kerana menyebabkan kecederaan parah menggunakan senjata bahan atau Seksyen 307 Kanun Keseksian atas percubaan membunuh.

"Kami mempunyai keyakinan penuh polis sedang melakukan siasatan dengan terbaik dan tahap profesionalisme tinggi" katanya lagi.

Dalam perkembangan sama beliau mengingatkan orang ramai supaya tidak membuat sebarang spekulasi susulan kejadian itu termasuk mendengar cerita yang belum pasti kesahihannya di media sosial.



Faisal yang kelihatan sugul dan mengalirkan air mata beberapa kali memaklumkan dia kini hanya mahu pulang ke kampung dan menjalani kehidupan yang tenang.

"Saya beritahu isteri saya, keluarga saya termasuk abang saya, saya tidak kisah hilang gaji RM50,000 dan nak balik kampung."

"Saya hanya mahu hidup tenang, saya boleh ambil gaji RM50 sehari janji keluarga saya selamat saya tak nak hidup da-

lam ketakutan," ujarnya.

Tambah lagi, keutamaan nya ketika ini adalah keselamatan terutama anaknya memandangkan hubungan yang sangat rapat.

Kes ini menimbulkan banyak spekulasi di media sosial dengan mengaitkan ada tan-

gan-tangan ghaib yang terlibat, perjudian dalam bolasepak dan fanatisme yang melampaui terhadap bola sepak.

Fanatisme dalam bola sepak hanya menyebabkan kerosakan seperti hooliganisme yang banyak melakukan onar dalam bola sepak.

Kesan fanatisme juga boleh memberi kesan kepada peminat-peminat bola sepak yang lain serta mencemar sukan yang bersifat ada pemenang dan ada yang kalah.

Kita tidak mahu apa yang terjadi kepada fanatik bola sepak di Columbia di mana penyokong fanatik yang marah kerana kekalahannya dengan USA semasa Kejohanan Piala Dunia 1994.

Penyokong fanatik menembak mati pemain Columbia, Andres Escobar apabila menyumbat gol sendiri sehingga menyebabkan Columbia tersingkir.

Kes Faisal menjadi satu peringatan kepada peminat bola sepak tempatan agar bersifat semangat kesukanan dan tidak perlu hingga membahayakan nyawa seseorang.

Susulan kes ini, Liga Malaysia mendapat pandangan yang buruk daripada negara-negara jiran dan mereka beranggapan fanatisme bola sepak di Malaysia agak merbahaya.

Semoga Faisal dalam keadaan selamat dan pelaku ditangkap dengan cepat serta diberi hukuman yang setimpal tanpa mengira pangkat atau darat. Maju-lah sukan untuk negara!

Aksi panas badan atlet Muay Thai Negeri Sembilan untuk SUKMA 2024 Sarawak

Kejohanan Muay Thai Jengking Fighting Championship Edisi Ke-7 telah berlangsung di MesaMall Nilai.

Program ini telah melibatkan atlet dari pelbagai negeri.

Kejohanan ini juga merupakan persediaan dan sesi pemanas badan bagi atlet Muay Thai Negeri Sembilan yang akan bertanding di SUKMA 2024 Sarawak,

yang akan berlangsung pada 17 Ogos 2024.

Exco Sukan Negeri Sembilan, Mustapha Nagoor yang hadir ke pertandingan itu mengucapkan tahniah kepada Master Borhan Budong atas penganjuran Jengking Fighting Championship (JFC) siri ke-7.

Mustapha berharap agar lebih ramai atlet dapat dilahirkan dan berjaya sep-

erti Johan Ghazali (Jojo) yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Perkembangan Muay Thai di Negeri Sembilan dan Malaysia boleh meningkatkan kebolehan sukan seni bela diri ini.

Semoga Skuad atlet Muay Thai Negeri Sembilan dapat merangkul pingat pada SUKMA Sarawak akan datang.



Kerajaan sedia peruntukan tambahan RM200 juta untuk TVET

KUALA LANGAT: Kerajaan Persekutuan menyediakan RM200 juta sebagai peruntukan tambahan bagi memperhebat usaha menarik penyertaan golongan belia dalam bidang TVET.

Peruntukan menerusi Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) ini bagi membiayai pelajar-pelajar dalam bidang EV, keselamatan cyber, kecerdasan buatan, bahan termaju, mekanisasi ladang, automasi pertanian dan penternakan.

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, ia juga memberi peluang kepada institusi TVET mewujudkan lebih banyak segmen khususnya kepada masyarakat golongan orang kurang upaya (OKU), Orang Asli serta orang asal di Sabah dan Sarawak.

"Saya hargai usaha dan inisiat-

if Majlis TVET Negara di bawah pimpinan Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi dengan kerjasama empat Kementerian utama dalam merentasi dasar dan program terkait bidang ini.

"Saya percaya bidang TVET di negara ini dapat diangkat dan digembung dalam sektor pembelajaran bermula di peringkat sekolah sehingga institusi pendidikan yang lebih tinggi."



"Saya juga mahukan industri TVET negara melakukan anjakan segera seiring peruntukan besar

yang disediakan dan tumpuan khusus yang diberikan kerajaan terhadap pendidikan TVET," kata Anwar.

Anwar berkata demikian, di majlis sambutan Hari TVET Negara 2024 di Institut Latihan Perindustrian, Kuala Langat, Selangor.

Dalam majlis sama, Anwar turut menyaksikan sesi pertukaran Memorandum Kerjasama (MOC) di antara Kerajaan dengan enam (6) GLC dan syarikat swasta berkaitan latihan iaitu Advance Retro Solution Sdn Bhd, Robert Bosch Sdn Bhd, SIRIM Bhd, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, UEM Group Berhad dan UOA Development Berhad.

"Selain itu saya juga menyaksikan tiga lagi sesi pertukaran Memorandum Kerjasama (MOC) di antara Government-Industry TVET

Coordination Body (GIC) dengan UniKL, GIC dengan FANUC (MIT Automation) dan GIC dengan Boomslang Technology Sdn Bhd.

"Skop kerjasama di antara Kerajaan dan GIC dengan GLC dan syarikat swasta ini merangkumi sumbangan dan perkongsian kemudahan serta peralatan, pembangunan kurikulum dan bahan latihan sumbangan khidmat kepakaran dan pembangunan kompetensi tenaga pengajar dan pembentukan program latihan," ujar beliau.



Menurut Anwar, pemeterai MoC ini berkonsepkan payung kerjasama untuk terus menjadi penghubung yang dapat dimanfaatkan oleh institusi TVET di Malaysia merentasi 12 Kementerian berkaitan TVET dalam membuka ruang kerjasama yang lebih erat bersama pihak industri.

"Insya-Allah, saya akan berusaha dalam memastikan segala usaha Kerajaan MADANI serta semua pihak dalam menjayakan dasar, projek, program dan inisiatif berkaitan TVET ini dapat terus diperhebat dan saya juga berharap lebih banyak usahasama dari pihak swasta dari dalam dan dari luar negara dapat bersama dalam jalur ini demi anak-anak dan generasi penerus di Malaysia," jelas Anwar.

Awal musim yang hambar buat NSFC

Ketika pasukan yang lain sudah mula mencatatkan mata dalam perlawanan Liga Super musim ini, Negeri Sembilan Football Club (NSFC) masih lagi tercari-cari akan rentak untuk mendapatkan sekurang-kurangnya satu mata.

Rata-rata penyokong sudah mula muak dengan keputusan perlawanan yang diperolehi setiap minggu. Manakan tidaknya setiap perlawanan hanya mencatatkan kekalahan demi kekalahan.

Dibolosi tujuh gol dalam Liga Super menjadikan penyokong NSFC semakin terdesak untuk mendapatkan jaringan.



Penyerang import baharu NSFC, Miguel Angel Junco Martinez atau dikenali sebagai Mika, didesak oleh penyokong Jang untuk mendapatkan jaringan pertamanya.

Hasil tinjauan di media sosial juga mereka menyatakan rasa tidak puas hati.

"Kami harap Negeri Sembilan Football Club pantau pemain import lembik ini!!! Kalau dia rasa nak berlari-lari anak dekat atas padang, lebih baik hantar dia balik ke rumah mak ayah."

"Sekadar pendapat, cuma aku tak faham kenapa pemain NSFC

macam tak pandai main bola. 'Basic football' pun kelaut, passing merabban, kejap je hilang bola, banyak 'longball' entah ke mana.

Tambahan pula, saingan Piala FA sudah tersingkir awal apabila ditewaskan oleh Selangor FC 4-0.

Ke manakah hala tuju NSFC pada musim ini? Mampukah mereka kembali menambat hati penyokong semula atau sudah berpuas hati dengan keputusan sedia ada?

Perubahan Peraturan Euro 2024: Pemain gantian, offside dan VAR

Kejohanan Euro berlangsung sejak 14 Jun hingga 14 Julai 2024 di Jerman sebagai tuan rumah.

Perubahan yang drastik pada Euro musim panas tidak berkaitan aksi semasa pertandingan tetapi membentarkan pengurus untuk mengumumkan 26 pemain skuad buat kali pertamanya selepas era pasca Covid.

Seperti pada Euro 2020, pasukan boleh membuat pertukaran pemain sebanyak lima orang, di mana setiap pasukan dibenarkan maksimum tiga kali pertukaran pemain.

Namun kali ini pengurus boleh membuat pertukaran sehingga enam kali semasa pusingan kalah mati dan jika melalui tambahan masa permainan. Keputusan VAR pula berubah apabila mengurangkan pengadil VAR kepada

tiga orang, di mana sebelum ini setiap perlawanan melibatkan satu pengadil atas padang, dua pembantu pengadil, pengadil gantian dan pasukan video VAR sehingga empat orang.

Keputusan ini dibuat kerana mahu keputusan yang lebih cekap dan efisien.

Skrin besar akan digunakan di setiap stadium sebagai menunjukkan kepentingan keputusan ulangan VAR dan keadilan kepada para penyokong terhadap proses membuat keputusan.

UEFA juga telah mempercepatkan keputusan offside dengan memasang 10 kamera berteknologi tinggi di setiap stadium untuk mengesan 29 titik pergerakan badan bagi setiap pemain.



Selain itu, sistem 'snickometer' yang biasa digunakan dalam kriket di mana menunjukkan ketepatan semasa serangan pemain melakukan hantaran bola. Teknologi ini akan mengesan bola terkena 'point offside'.

Dalam pada itu, pemain-pemain yang mengerumuni atas setiap keputusan

pengadil akan diberikan kad kuning secara terus.

Keputusan ini diambil kerana banyak keputusan pengadil dibantah dan dipengaruhi pemain. Masa juga banyak terbuang melayani karenah pemain-pemain, apabila pengadil terpaksa menjelaskan keputusannya kepada beberapa pemain yang mempertikaikan keputusan pengadil.

Justeru itu, peraturan baharu ini satu langkah positif dan proaktif dalam bola sepak.

Peraturan bagi bantahan atau penjelasan hanya boleh dilakukan oleh kapten pasukan sahaja dan jika kapten pasukan adalah penjaga gawang maka boleh diganti dengan pemain lain yang dikenalpasti terlebih dahulu sebelum perlawanan bermula.

Semarakkan semula cahaya api yang menerangi perjuangan

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah meluncurkan Modul Latihan Kenegaraan Malaysia MADANI yang akan digunakan dalam kursus-kursus latihan oleh Akademi Kenegaraan Malaysia.

Modul ini digarap bertunjangkan pada sejarah kenegaraan, pemahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan dan penghayatan Rukun Negara, bermatlamat membina kekuatan baharu dalam kalangan anak muda supaya berkeperibadian unggul serta ditanam babit kecintaan kepada negara.

"Kekuatan baharu ini bagi melatih anak-anak muda memiliki kebijaksanaan, kewarasan serta jati diri yang hebat selaras nilai-nilai MADANI, sekali gus menolak kebencian, toh mahan dan



permusuhan kerana perbezaan warna kulit, keturunan, darjah dan agama.

"Kekuatan ini penting untuk dipasangkan ke dalam sanubari anak-anak muda yang kini berdepan suara-suara sumbang yang cuba mengheret kita untuk berbicara perkara-perkara sempit, menanam babit kebencian antara kaum dan membawa fahaman agama pelampau yang jauh daripada nilai ihsan, kasih sayang dan



penyatuan," ujar Anwar.

Menurut Anwar, modul ini turut menekankan aspek sejarah negara, terutama menghargai perjuangan dan pengorbanan pemimpin dan rakyat daripada pelbagai kaum untuk menggapai kemerdekaan, dan meneruskan obor perjuangan itu.

"Seperti mana disebut pemikir dan filsuf Perancis Roger Garaudy: "It is

not to bury the ashes of the dead, but to rekindle their flame." (Bukan untuk tanamkan debu yang ditinggalkan, tapi untuk kita menyemarakkan semula cahaya api yang menerangi perjuangan.)

"Inilah tugas besar buat anak-anak muda hari ini yang perlu memahami sejarah pembinaan negara bangsa yang merdeka.

"Negara ini merdeka untuk berdaulat, merdeka untuk membela nasib rakyat, merdeka untuk meletakkan dasar tatakelola, pemerintahan dan kenegaraan yang baik serta menentang tentang kecurangan, kebobrokan dan rasuah," kata Anwar lagi.

Sukan Negeri Kita

Atlet negara perlu lengkapkan modul khas Olimpik - ADAMAS A

Agenzia Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) sedang giat 'mencari' atlet negara yang layak ke Sukan Olimpik 2024 di Paris bagi melengkapkan modul khas temasya sukan terbesar dunia itu seperti terkandung dalam Anti Doping Education and Learning (ADEL).

Pengarah ADAMAS, Azura Abidin berkata pihaknya telah meminta atlet yang berlatih di luar negara untuk melengkapkan modul tersebut secara talian.

Selain itu, atlet yang berlatih di tanah air perlu menjalani kursus doping secara fizikal di Majlis Sukan Negara (MSN) Bukit Jalil.

Tidak lupa juga jurulatih serta pegawai sokongan sukan terlibat pada Paris 2024 juga digalakkan melengkapkan modul dalam ADEL yang diiktiraf Agensi Anti-Doping Dunia (WADA).

"Kami telah menggerakkan usaha dengan memohon bantuan Majlis Olimpik

Malaysia (MOM) dan MSN meminta atlet menjalani modul khas Olimpik ini sejak April lepas dengan bantuan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan MSN usaha giat telah dijalankan meminta atlet menjalani modul khas ini

Azura berharap agar atlet menjalani modul khas tersebut sebelum berlepas ke Paris walaupun tiada tempoh spesifik ditetapkan pihaknya untuk melengkapkan modul tersebut agar tiada



masalah penyertaan bagi Sukan Olimpik kelak.

Modul khas Olimpik dalam ADEL penting bagi atlet untuk mereka bersiap siaga dengan apa jua situasi sekiranya dipanggil membuat ujian doping selepas tamat pertandingan, selain menambah ilmu tentang bahan terlarang yang boleh menyebabkan tersingkir.

18 orang atlet yang layak ke Sukan Olimpik telah melengkapkan pengambilan sampel kepada ADAMAS setakat ini, ujar Azura.

Jaguh berbasikal trek negara, Dato' Mohd Azizulhasni Awang; pemenang pingat gangsa badminton beregu lelaki Sukan Olimpik 2020, Aaron Chia-Soh Wooi Yik serta pemain badminton perseorangan lelaki professional, Lee Zii Jia merupakan antara 18 atlet yang telah mengesahkan tempat ke Paris 2024.

Sukan Olimpik telah berlangsung dari 26 Julai hingga 11 Ogos lalu dan Kontingen Malaysia memungut dua pingat gangsa.

Pemain Arsenal Emile Smith 'berdarah Nogori'

Emile Smith Rowe, pemain Arsenal, memiliki hubungan dengan Malaysia melalui neneknya yang berasal dari Rembau, Negeri Sembilan.

Menerusi perkongsian @frfuturetalents, akaun itu mendedahkan tangkap layar e-mel Smith Rowe, 23, yang menjawab kepada persoalan diajukan kepadanya.

"Memang betul, nenek saya sebelah ibu lahir di Malaysia atau lebih tepat di Rembau, Negeri Sembilan jika saya tidak silap."

"Jadi, itu menunjukkan saya memiliki hubungan dengan Malaysia. Tambahan pula, sebelah bapa, saya amat berbangga dengan (darah) warisan Jamaica," katanya

Smith Rowe telah mencatatkan 13 penampilan dan dua assist untuk Arsenal di musim 2023/24.

Beliau memiliki kontrak hingga Jun 2026 dan bernilai €22 juta.

Smith Rowe pernah menjadi penyelamat Arsenal dengan 10 gol dalam 33 pertandingan Liga Primer Inggeris pada musim 2021/2022.

Namun, prestasinya menurun kerana cedera yang menyebabkan beliau terpaksa menjalani pembedahan dan ini

memberi kesan kepada peluangnya dalam pasukan utama Arsenal.

*Dear FR Future Talent,
I hope you are well. Today, I'm excited to answer your questions about my background and my roots.
That's right, my grandmother on my mother's side was born in Malaysia, more precisely in Rembau, Negeri Sembilan if I'm not mistaken. So that made me have a relationship with Malaysia. In addition, on my father's side, I am also proud of my Jamaican heritage.
I don't know whether I can still represent Malaysia or Jamaica again because I have made an appearance with England. But I'm still proud of my background.
Thank you for your question.
Wishing you guys all the best!
Emile Smith Rowe.*



Penyerang import NSFC diragut

SEREMBAN: Penyerang import Negeri Sembilan Football Club (NSFC), Miguel Angel Junco atau lebih dikenali sebagai Mika telah diragut pada Ahad lalu.

Perkara ini disahkan melalui kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh NSFC bahawa Mika menjadi mangsa ragut ketika beliau berada di Kuala Lumpur.

Sewaktu kejadian difahaman, Mika hanya berseorang. Insiden tersebut mengakibatkan kerugian harta benda.

Walau bagaimanapun, tidak dinyatakan secara khusus

jumlah kerugian tersebut.

NSFC mengutuk sekeras-kerasnya tindakan jenayah seperti ini dan berharap agar pihak berkuasa dapat menangkap dan membawa pelaku ke muka pengadilan.

